

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III

Bil. 24

Hari Isnin

18 Ogos 1997

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH

Y.B. Datuk Chong Kah Kiat

(Ruangan)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

(Ruangan)

USUL URUSAN MESYUARAT

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997

(Ruangan)

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1997

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 18 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik semula itu dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

USUL
URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Masalah dikemuka untuk diputuskan dan disetujui.

Disetujui.

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini. Dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Majlis Bersidang Dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

2.38 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. Sebelum saya meminta penjelasan dan bertanya berkenaan dengan Fasal-fasal, saya mohon kepada Tuan Pengerusi bahawa Fasal-fasal itu dibaca satu-persatu. Fasal 1 misalannya sebahagian daripada rang undang-undang. Fasal 2 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Tidaklah Fasal 1 sehingga Fasal 62 sekali, jadi, maknanya tidak tahu masa itu suntuk sangat nanti, tidak dapat kami hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Satu persatu ya?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, Tuan Pengerusi.

Fasal 1 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, Fasal 1 tiada.

Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Fasal 2 mukasurat 10. Saya minta penjelasan daripada perkataan 'derma' 'suapan' ertinya wang derma. Derma ini adakah termasuk derma kepada cawangan-cawangan UMNO, biasanya kita kena derma kepada bahagian atau kepada badan perhubungan. Tetapi kalau ada menderma kepada cawangan, adakah menjadi kesalahan? Itu dalam Fasal 2 Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Pengerusi, ini terpulanglah kepada tafsiran pihak mahkamah sekiranya perkara ini dibawa kepada mahkamah.

Fasal 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 -

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Pengerusi, saya cuma ingin membangkitkan Fasal 3(2) di mana Yang di-Pertuan Agong hendaklah atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik seorang Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah dari kalangan anggota perkhidmatan awam, saya stresskan sekali lagi 'dari kalangan anggota perkhidmatan awam' untuk selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan di dalam suratcara perlantikannya.

Tuan Pengerusi, saya cuma ingin mendapatkan penjelasan dan juga ingin memberikan pandangan tentang perlantikan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah dari kalangan perkhidmatan awam.

Saya lebih suka kalau perlantikan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah ini juga dibuka atas budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada mereka yang tidak semestinya daripada anggota perkhidmatan awam, kemungkinan mereka yang berpengalaman ataupun bekas-bekas tentera ataupun bekas polis ataupun mereka yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran.

Saya timbulkan ini kerana kalau kita lantik daripada anggota perkhidmatan awam sahaja, kemungkinannya sebagaimana yang kita tahu, dalam hirarki kerajaan kadangkala Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah mungkin kedudukannya di bawah KSN ataupun di bawah setengah-setengah daripada Ketua Setiausaha Kementerian. Tentulah agak janggal bagi seorang yang duduk di bawah untuk menyiasat, bukannya saya hendak mengatakan ada berlaku penyelewengan, kalaulah berlaku penyelewengan oleh KSN ataupun KSU ataupun mereka yang lebih senior daripada dia. Jadi, kemungkinan susah, agak janggal bagi mereka ini untuk membuat penyiasatan.

Jadi, kalau dilantik orang luar ataupun ada 'room' untuk kerajaan melantik daripada orang luar daripada perkhidmatan awam ianya mungkin akan menampakkan bahawa jabatan ataupun Badan Pencegah Rasuah ataupun Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah itu lebih bebas untuk mengambil tindakan-tindakan ataupun untuk bertindak. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas pandangan ini. Kerajaan masih berpendapat bahawa lantikan Ketua

Pengarah daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang mana tercatat dalam perlembagaan 132 setakat ini kita kekalkan. Hakikatnya sekarang pun kita melantik Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah daripada anggota perkhidmatan awam dan mereka mampu menyiasat sesiapa sahaja yang dikemukakan membuat kesalahan.

Fasal 3 dan 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, Fasal 5, muka surat 14 iaitu berkenaan dengan kuasa pegawai badan. Pegawai badan ini akan diberi kuasa untuk pergi ke rumah-rumah di mana disyaki terlibat dengan rasuah. Jadi, apabila pergi ke rumah-rumah ini mereka akan menunjukkan kad dan gambar. Jadi, dalam keadaan sekarang ini banyak sangat yang menyamar sebagai seorang anggota polis dan juga sebagai Badan Pencegah Rasuah. Jadi, oleh itu bagaimanakah kita hendak mengatasi masalah ini? Adakah pihak kerajaan atau pihak Badan Pencegah Rasuah akan memberitahu orang ramai bahawa inilah cogannya ataupun 'badge'nya, dengan izin, tidaklah maknanya orang ramai terkeliru nanti sebab kuasa yang diberi ini terlalu luas, jadi kadang-kadang hendak pergi ke rumah itu kemungkinan orang tidak buka pintu - takut, jadi kalau beri 'badge' ini, dengan izin, jadi macam mana kita hendak memastikan bahawa ini betul 'genuine', dengan izin. Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, memang pihak berkuasa akan dibekalkan kad kuasa pengenalan diri. Apabila mereka hendak membuat siasatan mereka mesti memperkenalkan diri dahulu, baru boleh. Pihak yang berkenaan terpaksa mengamati betul-betul, jangan dia buat sendiri, dia mengaku kata sebagai pegawai penguatkuasa. Jadi, kita kena berhati-hati. Terima kasih.

Fasal 5 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11 hingga 15 -

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 14, muka surat 21 di mana saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada ayat “.....bagi ahli itu melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan atau bagi memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan.....”. Di sini “sokongan’ ini biasanya kepada kita wakil rakyat - senatorkah, ketua UMNO bahagiankah, pemimpinkah, biasa memberi sokongan. Sebagai contoh, permohonan tanahkah, permohonan kad pengenalkah, apakah, tenyeh sahaja! - cop ada dalam beg. Apa kata kalau permohonan tanah yang kebetulan kita sokong - terpaksa sokong selaku wakil rakyat, kalau tidak sokong tidak boleh undi, akhirnya orang itu dapat tanah dan ditakdirkan dia mengatakan kita menerima rasuah. Apakah langkah-langkah pencegahan ataupun nasihat daripada Setiausaha Parlimen untuk mengatasi perkara ini? Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, sebenarnya Perkara 14 ini telah ditarik balik tetapi walau bagaimanapun Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah termasuk di dalam definisi awal, maka ada kaitan yang disoalkan. Wakil rakyat memang boleh menandatangani secara 'direct' sekiranya untuk mengesahkan orang ini sebagai sekian, dia hendak siapa yang tandatangan tulis di situ - wakil rakyat, itu boleh, sebab dinyatakan di dalam borang itu. Kalau tidak dinyatakan, ini kita kena lihat sendiri bagaimana hubungan kita memberi sokongan itu. Kalau sekiranya kita memberi sokongan dengan niat yang baik menyatakan benda ini sah supaya dipertimbangkan, pada saya ini satu tugas wakil rakyat, takkanlah kita hendak wakil orang, kita hendak menekankan sesuatu perkara sedangkan mereka ini berhak untuk menerima.

Yang kedua, caranya mungkin tidak secara rasmi. Kita tidak sokongkan kepada kertas yang terlibat, mungkin kita gunakan cara lain - telefon kepada D.O. ataupun sesiapa yang berkuasa- "Tolong tengok kawan ini dia memohon, kalau sekiranya sesuai hendak diberi boleh diberi, kalau sekiranya tidak boleh diberi tidak usah diberi", itu jalan yang lebih baik pada pandangan saya.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memohon penjelasan yang lebih lanjut. Kita ini sebagai wakil rakyat. Kita mempunyai ramai rakyat - pelbagai masalah, ada yang memohon tanah untuk tapak gerai, ada yang memohon tanah untuk tapak 'satu produk satu kampung' dan macam-macam lagi. Kita tidak dapat elak, kita kena - dia orang datang, "Yang Berhormat saya minta surat sokongan, saya

mohon ini, ini untuk kepentingan keluarga saya, saya hendak cari makan”.
Jadi, kita selaku wakil rakyat, kita kena bagi. Jadi, ditakdirkan - saya bersependapat dengan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin - kalau ditakdirkan kita menyokong itu lulus, dan ada satu fitnah yang datang mengatakan kita menerima sogokan dan sebagainya, tidakkah itu ditakrifkan kita teraniaya?

Ini yang saya ingin penjelasan sekali lagi, setakat mana kita boleh sokong? Kalau sampai memohon tanah pun kita tidak boleh sokong, saya rasa, fungsi wakil rakyat itu akan terjejas nanti. Kita tidak dapat elakkan, ini akan berlaku. Yang Berhormat sendiri pun kalau balik ke kawasan Yang Berhormat dia orang minta sokong - mohon tanah katakan hendak buat rancangan kampung dusun, tiga ekar seorang, katakan sekelompok itu tiga puluh ekar, kalau sepuluh orang datang, “Yang Berhormat, tolong”! Kita terpaksa sains dan di dalam permohonan itu tidak ada kolum pula yang mengatakan untuk wakil rakyat sokong. Kita terpaksa buat satu surat khusus, taip di atas itu “kepada pentadbiran tanah daerah” - menyokong! Itu dia maksudnya. Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, pertama, terpulang kepada niat. Kalau kita niat memang hendak beritahu yang sebenarnya memang patut diberi kepada orang yang memohon, memang kita tidak ada perkaralah yang menjadi kesusahan kepada kita untuk memberi sokongan.

Yang kedua, memanglah kalau sekiranya ada apa perkara-perkara berlaku kita terpaksa dibawa ke mahkamah untuk menentukan sama ada kalau

kita difitnah ataupun betul atau tidak. Kalau sekiranya kita tidak ada apa niat, tidak ada bukti yang kita hendak dibawakan, bererti kita tidak mendapat apa-apa kesalahan. Jadi, pertama sekali terpulang kepada niat kita bagi menentukan perkara-perkara yang kita minta tolong itu benar-benar untuk menolong kepada rakyat dan selain daripada itu mungkin selain daripada itu. Saya percaya kalau kita di atas niat kita tidak rasa takut apa-apa apabila kita memberi apa-apa pandangan dan sokongan kepada yang berkenaan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Fasal 11. Saya hanya ingin mendapat penjelasan, dalam keseluruhan rang undang-undang yang telah dibentangkan, perkataan-perkataan “secara rasuah” banyak digunakan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apa yang dimaksudkan dengan “secara rasuah” kerana perkataan rasuah tidak ada langsung diberi definisi dalam takrif di Fasal 2. Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, memang kita sengaja tidak beri takrif apa dia “rasuah” tetapi kita ada nyatakan “suapan”. Banyak kita mentafsirkan apa dia “suapan” sebab benda itu tidak lari daripada perkara itu. Jadi, kalau ada apa-apa kes yang dibawa terpulanglah kepada pihak penyiasat, hendak menyatakan benda itu berupa rasuah ataupun tidak. Kemudian kalau sekiranya benda itu terbukti barulah dibawa kepada pihak A.G. untuk dikemukakan ke mahkamah, sama ada perkara ini perlu dibicarakan ataupun tidak.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, Fasal 14 yang lama yang kita mansuhkan atau tidak dimasukkan di dalam fasal-fasal ini,

saya hendak minta penjelasan mengapa sebabnya pada, dengan izin, Prevention of Corruption Act 1961, Seksyen 8 Akta 57 ada dimasukkan. Kemudian kita masukkan sekali lagi, kemudian kita tarik pula, maknanya dua kali kita buat pembetulan dari segi ini. Saya minta penjelasan.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, apabila kita merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dalam Fasal 160(2), maka wakil rakyat ini termasuk dalam orang yang mempunyai jawatan yang berpendapatan. Jadi, semua orang yang berjawatan berpendapatan, apabila menyalahgunakan kuasa dan sebagainya, maka serupalah juga wakil rakyat, apabila dibawa ke mahkamah, kita juga terkena sebagaimana orang lain. Sebab itu dimansuhkan sebab kalau kita khususkan Fasal 14, orang awam akan tengok seolah-olah Akta Pencegahan Rasuah ini tersangat-sangat menekankan kepada wakil rakyat. Itu sebabnya kita pertimbangkan semula supaya benda ini ditarik. Kalau tidak memang jelas perkara itu disebut - Wakil Parlimen dan juga ADUN, jadi seolah-olah wakil rakyat ini tidak ada kerja lain, dia kerjanya hak membuat itu sahaja. Sebab itu di atas dasar itu, kerajaan tarik balik perkara ini. Terima kasih.

Fasal 11 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16 hingga 20 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, terima kasih. Kita ambil Fasal 16 muka surat 23. Saya hendak bertanya dalam Kertas Pemberitahu, "Fasal 17 dinomborkan semula sebagai Fasal 16, gantikan

perkataan 14, 15 dan 16 dalam nota birai dengan perkataan 14 dan 15". Adakah ini salah cetak sebab macam mana di sini angka kemudian diganti pula dengan perkataan, saya rasa yang betulnya angka bukan perkataan.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Kalau betul angka, kita akan buat dengan angkalah. *[Ketawa]*

Tuan Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan perkara yang sama kerana Fasal 14 telah pun ditarik balik, jadi Fasal 15 sudah jadi Fasal 14.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Pengerusi, saya masih lagi menggunakan teks asal jadi kalau saya menyebutkan fasal, itu bermakna berpandukan kepada teks asal dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, nampaknya sungguh bersedia untuk membuat jawapan satu persatu. Dia kata masa hujung minggu dia sudah baca semua. *[Ketawa]* Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan.....

Tuan Pengerusi: Tidak tidur malam pun - membaca! *[Ketawa]*

Datuk Rahim bin Baba: Ya, itulah dia keletihan sedikit, nampaknya. Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai Fasal 18(3), kalau boleh saya bacakan ringkasannya di sini yang membawa erti "mana-mana orang yang suapan telah diminta tetapi tidak melaporkan kepada pihak yang berkenaan dan apabila sabit kesalahan, dia boleh didenda RM10,000 ataupun dipenjarakan tidak melebihi dua tahun". Maksudnya kalau ada orang minta rasuah dengan kita, kita tidak laporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan kita seolah-olahnya telah melakukan

satu kesalahan dan juga didenda RM10,000 ataupun dipenjara tidak melebihi dua tahun dan selepas itu pula, ini dilema yang dihadapi oleh orang biasalah.

Fasal 20 Tuan Pengerusi, di mana kalau kita membuat satu laporan yang palsu ataupun mengelirukan, seorang itu pula boleh dianggap telah pun melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 ataupun dipenjara tidak melebihi sepuluh tahun.

Jadi, maknanya ini, kalau saya sebagai rakyat biasa, saya pun akan menghadapi dilema. Kalau ada orang yang meminta rasuah dengan saya, kalau saya tidak melaporkan saya akan membuat kesalahan di bawah Fasal 18(3) di mana saya akan didenda RM10,000 ataupun dipenjara dua tahun. Kalau saya hendak melaporkan pula, saya pun takut juga kalau-kalau laporan saya itu boleh mengelirukan dan katalah orang yang saya laporkan itu, kerana saya tidak ada bukti, saya tidak dapat hendak buktikan, orang yang dilaporkan itu tidak didapati bersalah dan mungkin dia akan mengambil tindakan kepada saya dan saya pula akan dikenakan denda RM100,000 ataupun penjara sepuluh tahun ataupun kedua-duanya. Ini menimbulkan satu dilema kepada orang biasa sama ada hendak buat laporan ataupun tidak, kalau tidak buat laporan pun salah, buat laporan kalau orang yang dilaporkan itu tidak kena, kalau laporan kita itu mungkin boleh mengelirukan, kita pun kena denda. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, terlalu detail. Maknanya, kalau kita sudah melakukan tetapi saya hendak jelaskan mengenai laporan ini. Laporan ini di bawah Fasal 20, kalau dibuat laporan apabila

laporan itu palsu, bererti apabila kita tengok tidak ada kes, kita boleh terus tidak ambil tindakan. Laporan ini diambil tindakan sekiranya ada benda-benda yang dikemukakan itu nampak ada kes, baru kita gunakan laporan. Daripada laporan itu, baru kita buat penyiasatan. Dari penyiasatan itu, buat kenyataan. Orang mempalsukan kenyataan, ini yang kena lebih berat hukumannya. Itu bezanya laporan dengan kenyataan semasa membuat penyiasatan.

Mengenai dengan orang yang tidak melaporkan, dia melakukan rasuah tetapi ada orang lain melaporkan, bererti perkara ini mengikut kes itulah. Kalau sekiranya kes ini berlaku begitu, ada orang melaporkan yang kita ini tidak melaporkan berlakunya rasuah, maknanya kita bertindak atas akta yang telah ditetapkan ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Puan Kamilia.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai Bahagian III, iaitu bahagian ini menyebut tentang kesalahan-kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan rasuah. Telah disebutkan dalam Huraian, dicadangkan bahawa rang undang-undang ini supaya semua penalti dipertingkatkan.

Penjelasan yang ingin saya pohon ialah apakah rasional di atas penalti-penalti yang telah dikenakan di mana kita dapat lihat bahawa hukuman-hukumannya adalah tinggi dan hukuman penjaranya ada yang tidak kurang daripada sepuluh tahun. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat yang ingin penjelasan. Ramai orang berkata bahawa

kerana kekurangan hukuman yang berat, akta yang lama menyebabkan agak sukar bagi kita untuk membanteras masalah rasuah. Sebab itulah di antara perkara yang difikirkan oleh kerajaan ialah mengenakan hukuman yang berat kepada pelaku-pelaku yang salah dalam rasuah, bertujuan untuk mencegah daripada rakyat, orang ramai dan pihak-pihak berkenaan melakukan rasuah ini. Itu di antara yang kita jalankan. Tetapi tentang hukuman penjara, ada seksyen-seksyen, perkara-perkara tertentu dia dikenakan hukuman tidak lebih daripada empat belas hari, kita ada buat pindaan. Maknanya, oleh kerana berat sangat hukuman penjara, kita telah pindahkan setengah daripadanya yang patut dipinda kepada empat belas hari sahaja.

Fasal 16 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 21 hingga 25 -

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Pengerusi, Fasal 22 para (4) dengan jelas menyatakan, "*Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya....*". Paragraf ini amat penting kerana apabila seseorang itu disiasat atau ditangkap dan sebagainya.

Saya memang pujilah paragraf ini, akan tetapi bagaimanakah caranya Badan Pencegah Rasuah menyekat perkara ini supaya jangan terkeluar rahsia-rahsia ini sebelum kita bawa tertuduh ke mahkamah, sebelum kita tuduh dia di mahkamah. Apabila dituduh di mahkamah, barulah pihak-pihak akhbar akan

dibenarkan atau hendak disiarkan dalam akhbar, kerana di sini boleh ditakrifkan dua pihak yang akan buat kesalahan. Pertama, pihak Badan Pencegah Rasuah membocorkan rahsia ini. Kedua, pihak akhbar yang akan menerbitkan berita-berita yang belum dibawa ke mahkamah atas dakwaan. Ini amat penting, kerana akhbar kita di Malaysia ini bebas. Kalau akhbar-akhbar harian yang dimiliki oleh korporat-korporat besar, itu lain. Ini saya risaukan tabloid-tabloid yang kecil-kecil ini, yang cetakannya merupakan 60,000 atau 100,000 naskhah seminggu atau sebulan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, memang kita sengaja adakan Fasal 21 (4) kerana yang pada masa yang lepas apabila seseorang itu.....

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Fasal 22 (4).

Tuan Pengerusi: Ya, Fasal 22 (4).

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Oh, minta maaf, saya tersalah sebut, saya mengaku saya tersilap, mudahnya kita sesama Islam ini. *[Ketawa]*

Fasal 22 (4), memang dahulu apabila seseorang itu agak dituduh membuat rasuah, apabila membuat laporan kepada pihak polis, sengaja dibawa pemberita suruh hendak pameran dalam surat khabar, sedangkan orang baru buat tuduhan, mana boleh. Ini dia sudah menghukum sebelum dibawa bicara. Maknanya, menghukum lebih dahulu sebelum mahkamah menghukum orang yang berkenaan. Inilah sebab kita buat ketetapan semacam ini.

Jadi, cara kita mungkin supaya benda ini tidak dihebohkan dalam surat khabar dan sebagainya, pihak polis akan larang terus, pemberita jangan masuk,

jangan buat berita. Serupa kita juga, apabila ada majlis tertutup, minta maaf pemberita, dengan hormatnya dipersilakan keluar, ini majlis tertutup, tidak boleh buat apa berita. Jadi, selalunya pemberita ini dengar. Sebab itu, pihak berkuasa yang membuat siasatan laporan ini kalau ada pemberita, tolong beritahu cepat. Benda ini juga bila disebar dalam surat khabar, maknanya lain kali pemberita pun tidak hendaklah pergi sekiranya benda itu belum dituduh sah lagi dia melakukan kesalahan. Kalau hanya membuat laporan penyiasatan, dia tidak boleh lagi membuat laporan dalam mana-mana akhbar.

Tuan Pengerusi: Ya, Tuan Charern.

Tuan Charern Intachat: Tuan Pengerusi, Fasal 24 ataupun 23 kalau dipinda, Fasal 24 subfasal (3) memberi kuasa kepada pegawai Badan, dengan izin, to search without warrant. Jadi, mengikut subfasal (3) ini kuasa diberi kepada semua peringkat pegawai termasuk pegawai rendah. Kalau mengikut definisi di bawah Fasal 2, ada definisi untuk “pegawai kanan Badan” dan “pegawai Badan”. “Pegawai Badan” termasuk semua peringkat pegawai.

Bayangkan, Tuan Pengerusi, kalau pegawai-pegawai rendah masuk ke rumah Tan Sri, Dato, dengan tidak ada waran, saya rasa ini patut dikaji dengan baik ataupun pihak kementerian ada alasan yang baik. Kerana daripada pengalaman saya sebagai Pegawai Penguatkuasa di Jabatan Kastam dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya rasa kuasa ini perlu diberi kepada pegawai kanan sahaja. Dalam definisi “pegawai kanan” di bawah rang undang-undang ini, peringkat yang paling rendah ialah Penguasa. Jadi, saya

rasa kuasa hendaklah diberi kepada Penguasa dan ke atas, dan bukan diberi kepada semua peringkat. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas teguran ini. Kita akan cuba pastikan supaya apa-apa kes yang hendak disiasat, sebolehnya kita menggunakan pegawai yang berpengalaman dan pegawai yang agak lebih tinggi daripada yang sebenarnya. Kecuali kalau tidak ada pilihan, mungkin pegawai Badan itu kadang kala pengalamannya luas dan juga kebolehannya. Walaupun dia pegawai Badan, tetapi kadang kala pegawai Badan kebolehannya lebih daripada pegawai kanan Badan, pangkatnya sahaja berbeza. Begitu juga kita dalam jabatan kerajaan, kadang kala pegawainya mengikut C.C. sahaja, pakai sign sahaja, kerana pengalaman C.C. kanan itu lebih daripada pegawai yang baru, segala benda dia buat oleh C.C.. Jadi, kemungkinan ini akan dipertimbangkan oleh pihak jabatan dengan sehalus-halusnya supaya siasatan yang dibuat itu seadil-adilnya oleh orang-orang yang mempunyai pengalaman yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ya, Datuk Rahim Baba.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh balik Fasal 22 (1) dan juga kaitannya dengan Fasal 22 (4).

Fasal 22 (1) bermakna apabila seseorang itu membuat laporan, dia hendaklah membuat laporan secara bertulis. Selepas itu, seperti kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi memanglah kita tidak hendak perkara itu dihebahkan kerana kemungkinannya orang itu belum lagi didapati bersalah. Tetapi ada juga kadang kala orang yang membuat laporan itu tidak dikehendaki

laporan itu akan menjadi satu rahsia buat selama-lamanya. Maksudnya, dia tidak akan diketahui siapa yang membuat laporan.

Tetapi kalau kita baca Fasal 22 (4), "*Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah.....*". Dalam pengertian saya, bermakna apabila orang tertuduh itu sudah pun dituduh di mahkamah, laporan yang dibuat oleh seseorang itu tidak lagi menjadi rahsia, maksudnya tidak ada lagi kerahsiaan. Jadi, di mana kalau orang yang membuat laporan itu hendak berlindung supaya laporannya itu tidak diketahui oleh orang yang dituduh ataupun orang yang dilaporkan itu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, pembuat laporan mesti dirahsiakan sampai bila-bila, tetapi yang dipamerkan ini setelah dia dituduh di mahkamah. Bukan kita mempamerkan orang yang membuat laporan. Kita mempamerkan orang yang dituduh membuat kesalahan. Dua perkara yang berbeza. Orang buat laporan - *Illayaumir akhir, Illayaumir khiamah* - kita akan kekalkan, tidak beritahu kepada sesiapa, kecuali mungkin pihak jabatan. Kalau dia hendak beri hadiah (reward) macam kastam, saya berpengalaman setahun bekerja di Jabatan Kastam, mungkin dia panggil hendak beri hadiah, itu bab lain, rahsia juga, dia tidak umum kepada orang ramai, 'mari datang beramai-ramai, hari ini kita hendak beri hadiah kepada orang ini membuat laporan' - bukan begitu. Dia mesti cara rahsia memberikan

reward kepada orang yang memberi laporan. Jadi, seboleh-bolehnya kita mesti merahsiakan. Itu maksudnya.

Datuk Rahim bin Baba: Tidak, maaf, Tuan Pengerusi. Kalau kita baca balik subseksyen (4) ini, saya percaya Yang Berhormat sudah pun membacanya, *“Sesuatua aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan..... sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah.....”*. Maknanya dalam pengertian saya, selepas sahaja orang yang dituduh itu dituduh ke mahkamah, aduan itu tidak lagi menjadi rahsia. Itu dalam pengertian sayalah. Saya tidak tahulah kalau pengertian kerajaan berlainan. Tetapi dalam pengertian saya, maknanya aduan itu hanya menjadi rahsia sehingga seseorang itu dituduh.

Katakanlah saya membuat aduan mengenai satu kegiatan rasuah, aduan saya itu akan menjadi rahsia, dan yang tahu cuma pihak pegawai Badan dan juga Pendakwa Raya. Tetapi apabila orang yang saya buat aduan itu sudah dituduh, maknanya aduan saya itu tidak lagi menjadi rahsia dan orang yang dituduh itu akan tahu bahawa saya yang membuat aduan. Saya percaya Yang Berhormat telah pun membaca Fasal 22 (4) inilah.

Tuan Pengerusi: Aduan sahaja yang tidak dirahsiakan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Pengerusi pun rasanya.....

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya, aduan, bukan orang.

Tuan Pengerusi: Aduan sahaja.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya, saya setuju sebab Tuan Pengerusi lawyer, saya bukan lawyer. Yang dirahsiakan ialah orang.....

Tuan Pengerusi: Tetapi saya ini, Yang Berhormat, saya ini lawyer buruk. *[Ketawa]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya sokong. Yang dirahsiakan ialah orang. Yang dirahsiakan pada mula ialah semua sekali, iaitu orang dan juga laporan, apa dia kes. Kemudian apabila dia dituduh, orang masih dirahsiakan, tetapi kes boleh dikemukakan kalau sekiranya dia telah dituduh. Begitu Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih.

Fasal 21 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 26 hingga 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 36 hingga 40 -

3.15 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam undang-undang, perkataan “dan”, perkataan “atau”, dengan izin, “and” and “or” amat penting sekali. Oleh itu, saya hendak memberitahu pihak kerajaan kepada muka surat 50, Fasal 38 yang baru subseksyen (2). Di sini, Fasal 38(2) “*subseksyen (1) adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan subseksyen 35(3) yang jadi subseksyen 34 dan 4.*” Jadi, yang saya hendak bertanya rang undang-undang ini sudah pergi melalui Dewan Rakyat, yang ini barangkali lain punya. Ini salah cap. Kalau di Dewan Rakyat tentu mereka

sudah dapat tahu yang “and” ini adalah bahasa Inggeris, yang kita ini bahasa Kebangsaan. Jadi, pihak kerajaan mintalah “and” itu ditukar dengan “dan”. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya setuju, ini tersilap cetak. Yang asal pun “and”, orang Putih juga. Jadi, kita akan betulkan, ini tersilap cetak, maaf.

Fasal 36 hingga 40 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 41 hingga 45 -

3.17 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, minta maaf, saya hendak mendapatkan tempat 45(3). Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Fasal 45(3), dahulunya 46(3) iaitu berkenaan dengan kenyataan yang akan dibuat apabila seseorang itu didapati bersalah atau ditangkap. Dengan izin, saya baca, *“Kamu telah ditangkap dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas...(kesalahan di bawah akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengata apa-apa. Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakan sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya.”*

Saya hendak minta penjelasan, kenyataan macam ini sudah tentu akan menghabiskan atau mengurangkan hak kebebasan seseorang rakyat Malaysia.

Sebab apabila dia ditanya, sudah tentu dia menjawab ataupun tidak menjawab. Jadi, kalau dia tidak menjawab, bermakna apabila dia dihadap ke mahkamah, kenyataan yang dibuat kali yang kedua itu di mahkamah ataupun selepas dia ditangkap itu adalah kurang berkesan. Jadi, kepada saya ini akan menjejaskan hak kebebasan seseorang itu. Sepatutnya dia diberi masa untuk berjumpa dengan peguam atau sekurang-kurangnya berfikir sebelum buat kenyataan. Jadi, inilah saya hendak minta penjelasan adakah fasal ini sengaja dibuat begitukah ataupun memang inilah kehendaknya kerajaan supaya serta-merta mesti beri kenyataan, tidak boleh fikir dua kali lagi, tidak boleh tangguh dua-tiga hari lagi. Ini satu penjejasan kepada hak manusia. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, memang kita hendak kenyataan itu dijelaskan dengan sejelas mungkin. Kerana selalunya apabila kita hendak mendapat kenyataan, ada di antara mereka kadangkala sengaja hendak berlindung supaya tidak memberi keterangan kesemuanya. Jadi, sebab itu kita tekankan supaya apa yang dia mampu ketika itu mesti dijelaskan kesemuanya. Kita tidak mahu apabila ada orang lain hendak minta buat kenyataan, ianya berlainan cukup jauh dengan yang asal. Jadi, tujuan kita memang begitu supaya dia semungkin mampu memberi sebanyak mana maklumat yang dia tahu ketika itu. Jadi, kalau dia beri dengan orang lain tidak banyak beza sebab dia sudah memberikan dengan jelas kepada penyata yang pertama. Ini tujuannya, sebab kita kedapatan selalu cukup berbeza. Jadi, kalau

dia berani membuat perbezaan akan datang, maka dengan sendiri dia tanggunglah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, penjelasan berkenaan dengan tidak sama itu berbeza. Itu boleh didakwa di mahkamah. Maknanya, kita boleh buat dia sebagai tidak boleh dipercayai. Tetapi yang saya bangkitkan di sini bahawa seseorang itu tidak diberi masa langsung untuk membuat kenyataan kemudian. Sebab kalau dibuat kemudian, kenyataan itu tidak boleh digunakan sebagai satu kenyataan di mahkamah dan ia akan memberi kesan yang lemah kenyataan itu. Tetapi yang awal itu yang kuat sekali. Jadi, ini maknanya telah menjejaskan hak kebebasan seseorang itu. Itu sahaja yang saya hendak kemukakan, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: *[Sambil duduk dan mengangguk kepala]*

Tuan Pengerusi: Itu akan diambil ingatan. Dia telah angguk, “saya ambil ingatan” katanya.

Fasal 41 hingga 45 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 46 hingga 50 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, Fasal 49, muka surat 61. Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan Fasal 49, dahulunya Fasal 50 perkataan “*dalam mana-mana prosiding sivil atau penjenayah, di bawah akta ini keterangan tidak boleh diterima untuk*

menunjukkan apa-apa suapan yang tersebut dalam akta ini adalah suatu kelaziman dalam apa-apa profesion, kerjaya, pertukangan, kerja ataupun pekerjaan ataupun dalam sesuatu upacara sosial.” Penjelasan saya, Tuan Pengerusi, ialah bermaknanya kalau dalam upacara sosial tidak ada benda yang boleh kita beri. Apa yang kita beri itu tidak boleh menjadi alasan kemudian di mahkamah. Bermakna satu pemberian pun tidak boleh diberi dalam apa-apa upacara. Misalnya, upacara perasmian, kalau kita beri itu ada kaitan, orang yang memberi dengan orang yang menerima itu, dari segi kedudukan, dari segi pengaruh ia akan boleh didakwa dan pemberian hadiah itu tidak boleh digunakan sebagai satu alasan yang ini satu upacara menaikkan rumah, upacara membuka jalan dan sebagainya.

Penjelasannya, Tuan Pengerusi, suatu upacara sosial tidak boleh lagi. Kalau mengikut ini, pada pendapat saya, saya hendak minta penjelasan tidak boleh lagi digunakan untuk upacara menderma dan hadiah. Semua hadiah tidak boleh diberi kalau ada kaitan antara pemberi dan penerima.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, memanglah wakil rakyat sendiri kadangkala ada upacara sosial mendapat cenderamata tertentu. Tetapi kita dengar akhir-akhir ini pihak kerajaan untuk menentukan peraturannya, setakat mana jumlahnya. Tetapi saya dengar kalau sekiranya orang itu beri buah manggis, makanlah. Saya dengar cerita kalau simpan pun buruk. Jadi, apa salahnya kalau kawan kita orang kampung beri buah manggis, buah mempelam, kita bawa balik, makanlah. Kalau kita beri kepada Treasury, Treasury hendak simpan di mana. Tetapi kalau sekiranya benda itu mahal,

mungkin nilainya lebih daripada RM2,000 atau RM3,000 itu memang ada peraturan akan ditentukan oleh kerajaan kemudian nanti. Terima kasih.

Fasal 46 hingga 50 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 51 hingga 55 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 56 hingga 60 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan Fasal 59, dahulunya 60. Dengan adanya akta ini, ia tidak akan menjejaskan kuasa polis. Kuasa polis memang ada. Jadi, saya hendak tanya, jikalau kes ini berlaku, diambil oleh pihak polis, kepada siapa dia bertanggungjawab. Adakah pihak polis itu bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Siasatan Pencegah Rasuah ataupun kepada pihak polis sendiri. Sebab polis ada kuasanya boleh menangkap, dia boleh menggunakan akta ini dari segi rasuah.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Dia boleh terus kepada AG untuk menentukan sama ada benda itu boleh dibicarakan di mahkamah ataupun tidak, sebab dia sudah lebih awal. Jadi, kuasanya memang boleh digunakan demikian rupa, tetapi yang menentukan itu bukan tugas pihak polis sama ada kes itu dibicarakan ataupun tidak.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya minta penjelasan. Jikalau polis menangkap dan sebagainya, bolehkah dia menggunakan alasan tangkapan ini kepada IGP dia. Kepada AG itu memang tentulah, semua

melalui AG. Pegawai Badan Pencegah Rasuah pun akan pergi kepada AG juga. Dari segi pegawai atasan polis, kalau seorang polis Inspektor ataupun seorang Penolong Superintendent misalannya, ditangkap dari segi rasuah di bawah akta ini, ianya dibawa ke Badan Pencegah Rasuahkah ataupun dia terus melalui polis sendiri dengan siasatan dan sebagainya secara jenayah biasa. Jadi, saya saya hendak tahu, adakah dia kena balik kepada Badan Pencegah Rasuah?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, perkara ini memanglah ada kesalahan, itu dijalankan oleh pihak pegawai polis. Maknanya, kalau dia sudah tentukan perkara itu boleh dihukum di bawah akta yang lain, polis itu boleh teruskanlah. Tetapi kalau sekiranya benda ini berkaitan dengan Badan Pencegah Rasuah selalunya lebih awal lagi dia akan berunding dengan pihak Badan Pencegah Rasuah sama ada benda ini boleh diteruskan oleh pihak polis ataupun diserahkan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah. Kalau tidak, dia jadi benda ini tidak tahu siapa berkuasa sebenarnya. Tetapi hakikatnya benda ini ada kuasa dan pihak yang terlibat boleh meneruskan sama ada dia hendak berunding dengan pihak Badan Pencegah Rasuah ataupun dia boleh meneruskan kes ini untuk dibawa kepada mahkamah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan berhubung dengan Fasal 56, iaitu tanggungan bagi kesalahan di luar Malaysia. Dalam Fasal 56(1) "*peruntukan akta ini hendaklah berhubung dengan warganegara dan pemastautin tetap Malaysia mempunyai kuatkuasa di luar dan di dalam Malaysia, dan jika sesuatu kesalahan di bawah akta ini dilakukan di mana-mana tempat di luar Malaysia oleh mana-mana warganegara atau pemastautin tetap, ia boleh diperlakukan berkenaan dengan kesalahan ini seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana tempat di dalam Malaysia.*" Yang saya ingin mendapat penjelasan kalau sekiranya pihak yang itu bukan warganegara Malaysia dan melakukan perkara itu di luar Malaysia, bagaimana kedudukan?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Pengerusi, akta ini pencegah rasuah yang berkaitan dalam negara kita. Jadi, kalau orang di luar

negara Malaysia ini kita akan menggunakan cara peruntukan-peruntukan lain supaya kita boleh menyasat orang-orang berkenaan ini bagi membantu kes kita yang telah kita tetapkan untuk dibicarakan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak begitu jelas Fasal 56 ini. Yang kita hendak persoalkan di sini “pemastautin tetap Malaysia” dan di bawah itu “pemastautin tetap”. Jadi, adakah pemastautin warganegara Malaysia bermastautin di Australia misalannya, ini kita hendak tahu. Ataupun orang luar betul, bukan warganegara Malaysia, tetapi dia bermastautin di Malaysia. Ini yang kita hendak tahu. Kalau warganegara Malaysia sahaja tidak ada masalah, tidak timbul pemastautin tetap. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih. Saya ingat pendapat lawyer macam mana. Pada pendapat saya begitu, makna kita kekalkan orang itu mestilah bermastautin tetap di negara kita. Saya tidak tahulah dia ‘mastautin’ itu banyak makna. Kalau ikut dalam fahaman dalam negara kita, ‘mastautin’ banyak peringkatnya. Jika sekiranya dia memang bermastautin tetap di Malaysia, kalau dia melakukan perkara itu, maknanya kita boleh tuduh orang yang berkenaan.

Fasal 56 hingga 60 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 61 hingga 62 -

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, Fasal 61(1) iaitu menteri boleh menetapkan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana rang undang-undang bertulis menjadi kesalahan ditetapkan. Fahaman saya daripada fasal ini ialah memberi menteri kuasa untuk menetapkan kesalahan selain daripada apa yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini.

Penjelasan yang saya ingin dapat ialah adakah ini bermakna bahawa menteri hanya terhad kepada kesalahan yang boleh ditetapkan di mana terdapat undang-undang bertulis yang menyebut sesuatu perbuatan yang menjadi

kesalahan. Jadi, apakah ini tidak menyekat bidang kuasa menteri untuk menentukan kesalahan kerana kita tahu bahawa dalam perkembangan semasa, rasuah ini boleh meliputi perkara yang mungkin tidak termasuk dalam sesuatu rang undang-undang bertulis yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Seksyen 61 itu sekarang jadi Seksyen 62.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, Fasal 60.

Tuan Pengerusi: 60 ya?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Ya, 60.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya, saya kira, kalau fahaman sebagai seorang lawyer begitu, saya pun faham begitu juga. *[Ketawa]*

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya harap dapat diberi perhatian, ini boleh menyekat kuasa menteri.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ya, terima kasih.

Fasal 61 dan 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Oh, demam saya, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Ya, demam betul, demam ini bukanlah kerana membaca rang undang-undang ini tetapi saya cubalah jadi sebagai seorang lawyer, berat jugalah, tetapi saya rasa saya jawab itu tidaklah 100%, saya minta maaf, mungkin 50%, kalau kira periksa luluslah, jadilah.

Tuan Pengerusi: Jawapan pun baguslah. Boleh jadi lawyer pun.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih. *[Ketawa]*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pembahagian harta pusaka seseorang orang bukan Islam yang mati tanpa wasiat dibuat di bawah subseksyen 6(1) Akta Pembahagian 1958 (Akta 300). Mengikut Akta 300 apabila seseorang orang bukan Islam mati tanpa wasiat maka harta pusaknya tidak dapat diwarisi oleh ibu atau bapanya sekiranya dia meninggalkan zuriat.

Mengikut akta 300 juga, jika orang yang mati tanpa wasiat itu ialah seorang perempuan bersuami maka tidak kira sama ada dia meninggalkan zuriat ataupun tidak, ibu bapanya juga tidak dapat mewarisi hartanya, semua harta pusaka perempuan bukan Islam bersuami yang mati tanpa wasiat akan terserah kepada suaminya yang masih hidup semasa kematiannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan bahawa pembahagian harta pusaka orang bukan Islam di Malaysia Barat yang mati tanpa wasiat dilakukan mengikut cara yang adil dan saksama, maka wajarlah Akta 300 dipinda supaya

tidak wujud perbezaan di antara seseorang bukan Islam lelaki dengan bukan Islam perempuan tentang waris yang berhak menerima harta pusaknya.

Hak ibu atau bapa seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat untuk mewarisi harta pusaka anaknya wajarlah diperjelas. Oleh yang demikian rang undang-undang yang dicadangkan ini mencadangkan pindaan kepada Seksyen 3 Akta Pembahagian 1958 dengan memasukkan takrif 'ibu' atau 'bapa' yang mengehendkan erti ibu atau bapa seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat kepada ibu atau bapa sebenar atau ibu atau bapa angkat yang sah bagi seseorang anak di bawah Akta Pengangkatan 1952.

Pembahagian baru harta pusaka seorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat dilakukan dengan mengambil pertimbangan kepentingan waris yang ditinggalkan iaitu isteri atau suami, zuriat, ibu atau bapa, hanya pecahan sebahagiannya sahaja yang akan berbeza. Ini diperuntukkan di dalam perenggan 6(1)(a) hingga (i) yang juga dicadangkan melalui rang undang-undang ini.

Mengikut rang undang-undang yang dicadangkan ini jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan meninggalkan seorang suami atau isteri, tetapi tanpa zuriat atau ibu atau bapa atau ibu dan bapa semua harta pusaka itu diwarisi oleh suami atau isteri yang masih hidup semasa kematian orang yang mati tanpa wasiat itu.

Dalam keadaan jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan tidak meninggalkan zuriat tetapi meninggalkan suami atau isteri dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, suami atau isteri yang menakat itu adalah berhak

kepada setengah daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat adalah berhak kepada baki yang setengah lagi.

Semua harta pusaka seorang bukan Islam mati tanpa wasiat dan meninggalkan zuriat akan diwarisi oleh zuriatnya. Jika dia mati tanpa meninggalkan suami atau isteri atau ibu atau bapa atau ibu dan bapa. Semua harta pusaka seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat akan diwarisi oleh ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat, jika orang yang mati tanpa wasiat itu tidak meninggalkan suami atau isteri dan zuriat. Jika seorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan meninggalkan seorang suami atau isteri dan zuriat tetapi tidak meninggalkan ibu atau bapa atau ibu dan bapa maka suami atau isteri yang menakat itu adalah berhak kepada $\frac{1}{3}$ daripada harta pusaka itu dan zuriat berhak kepada baki yang $\frac{2}{3}$ lagi.

Harta pusaka seorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat dengan meninggalkan zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa akan dibahagikan $\frac{2}{3}$ kepada zuriat yang menakat dan $\frac{1}{3}$ bakinya kepada ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat itu.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga memperuntukkan keadaan jika seseorang bukan Islam mati tanpa wasiat dengan meninggalkan seorang suami atau isteri, zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa dalam keadaan sedemikian, suami atau isteri itu adalah berhak kepada $\frac{1}{4}$ daripada harta pusaka itu.

Zuriat adalah berhak kepada setengah daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa itu berhak kepada baki $\frac{1}{4}$ lagi. Mengikut pindaan

kepada Akta 300, jika seseorang bukan Islam yang mati tanpa wasiat, tidak meninggalkan suami atau isteri, zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, kesemua harta pusaka itu hendaklah dipegang atas amanah bagi orang yang berikut yang hidup pada masa kematian orang yang mati tanpa wasiat itu iaitu jika ada adik beradik, harta pusaka itu diwarisi oleh adik beradik. Jika tiada adik beradik harta pusaka itu diwarisi oleh datuk atau nenek. Jika tiada datuk atau nenek harta pusaka itu diwarisi oleh ibu atau bapa saudara. Jika tiada ibu atau bapa saudara, harta pusaka itu diwarisi oleh moyang dan jika tiada moyang, harta pusaka itu diwarisi oleh moyang saudara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa pindaan yang dicadangkan ini akan turut membantu mewujudkan ke arah suatu masyarakat yang penyayang. Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

3.43 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi kita mendapat huraian daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen mengenai pindaan Akta Pembahagian 1958 (Pindaan) Akta 300.

Walaupun saya sebagai seorang Islam yang mana Akta Pembahagian ini tidak tertakluk, mengikut Seksyen 2 Akta ini bahawa orang Islam tidak tertakluk kepada Akta Pembahagian ini kerana orang-orang Islam adalah mempunyai akta tersendiri iaitu di bawah pembahagian harta pusaka kecil.

Walau bagaimanapun, sebagai Ahli Dewan, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini. Kita sememang tahu bahawa kadangkala simati tidak meninggalkan wasiat apa-apa dan sekarang kalau kita semak hak milik yang terdaftar di dalam negara kita, saya rasa beribu-ribu hektar yang masih dimiliki tidak mempunyai waris pada hal sipemilik harta ini telah pun meninggal. Di sini akan diketahui apabila di dalam sebahagian daripada harta itu kalau harta itu berkongsi atau, dengan izin, coownernya masih hidup, dia untuk memajak atau menjualkan harta ini baru kita dapat kesan bahawa pemajakan tanah ini tidak dapat dilakukan kerana sebahagian daripada pemegang, pemilik atau coowner, dengan izin, sudah meninggal. Pada hal yang meninggal itu tidak meninggalkan waris dan wasiat. Ini yang menimbulkan satu masalah di dalam pentadbiran tanah di dalam negara kita. Ini bukan sahaja berlaku di kalangan orang yang bukan Islam malahan kita orang-orang Islam juga meninggalkan harta yang tidak mempunyai waris yang banyak berlaku.

Sekarang untuk menyelesaikan masalah itu, pihak kerajaan sendiri pun apabila ingin membangunkan tanah itu atau mengambil alih tanah itu mempunyai masalah kerana tanah itu dikatakan sepuluh ekar, 1/3 daripada yang dimiliki itu sipemiliknya telah pun meninggal.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua terlebih maklum bahawa kita penduduk Malaysia ini kalau dikaji sejarahnya, dari dahulu ada orang datang dari Pulau Sumatera, ada yang dari Pulau Jawa berhijrah ke mari, ada dari Thailand, ada dari China. Mereka datang ke sini mencari rezeki dan separuhnya bermastautin di sini. Mereka membeli sebahagian hak milik harta sebagai memenuhi kehendak pencariannya, jadi tanah yang demikian, yang terdaftar atas nama mereka berkongsi dengan kawan dan lepas itu dia balik ke negerinya yang asal, meninggal di sana tanpa meninggalkan anak dan isteri di sini dan di sana pun mungkin tidak ada anak dan isteri, ini yang menjadikan masalah.

Kalau ikut akta ini, kalau yang saya baca dalam Undang-undang Pembahagian Harta Pusaka Kecil, selepas dua minggu, jika seseorang simati itu meninggalkan harta hendaklah penghulu ataupun ketua kampung memaklumkan kepada penghulu dan penghulu memaklumkan kepada pemungut hasil tanah ataupun ditulis di situ dulu masih dipakai dengan ayat Assistant Collector Land Revenue (ACLR), dengan izin. Jadi, apa yang menjadi masalah sekarang, benda ini kian hari bertambah-tambah - tidak ada penyelesaian.

Dengan demikian saya berharap satu rang undang-undang akan dipinda nanti bagi menentukan bahawa dalam jangka masa dan tempoh tertentu harta yang ditinggalkan oleh simati tanpa meninggalkan wasiat akan diletakkan di bawah penjagaan sesuatu institusi - katakanlah Pemegang Amanah Raya dan sebagainya kerana kadangkala harta ini mempunyai nilai yang berpuluh-puluh juta terutama dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seremban, Johor

Bahru dan Ipoh, ini terdapat. Kadangkala ini menimbulkan masalah kepada pentadbir untuk membangunkan tempat-tempat yang tertentu.

Begitu juga kita lihat bahawa dalam akta ini anak angkat juga mengikut peraturan undang-undang berhak menerima harta ini. Ini amat patut, saya mohon maaf kepada semua, saya ingin menyentuh sedikit dalam Undang-undang Pembahagian Harta Pusaka Kecil, walaupun ini dalam Akta Pembahagian kerana kalau dalam Islam anak angkat ini, bukan dari zuriatnya tidak boleh mewarisi harta. Katakanlah, anak angkat itu kita ambil umurnya baru lahir, satu hari atau dua hari atau seminggu, masih merah. Pencarian kita bersama dengan beliau, maknanya beliau lahir sampai umur 40 tahun atau 50 tahun, kita pula meninggal.

Jadi, kalau mengikut daripada kaedahnya, beliau tidak berhak menerima harta tetapi bagaimana pula isteri boleh menuntut separuh daripada harta pencarian atau satu pertiga daripada harta pencarian melalui mahkamah? Apakah satu fakta yang lain boleh kita cari atau kita tanya alim ulamak, fatwa-fatwa dan sebagainya bagi menyelesaikan masalah ini kerana walaupun beliau ini bukan anak darah daging kita atau dilahirkan dalam keluarga kita sendiri akan tetapi beliau ini kita ambil dari kecil. Merah dalam bedung dan masih bau anak-anak dengan susunya dan kita bawa balik dan kita dendangkan dan kita besarkan dan sebagainya, apabila beliau meningkat dewasa dan berumah tangga, punya anak, punya isteri atau suami tetapi apabila bapa angkatnya meninggal satu sen pun dia tidak dapat.

Jadi, ini menimbulkan kesan dalam jiwanya. Kadang-kadang dia merasakan terlalu kecewa dalam dirinya kerana dia sama-sama dengan bapa angkatnya membantu, sama-sama mencari harta apabila dia telah meningkat dewasa tetapi sedangkan hartanya itu tidak dapat dimanfaatkan oleh beliau sendiri tetapi bagaimana pula kadangkala bila mahkamah menerima pencarian isteri? Ini yang kita harus pertimbangkan di sini tetapi di dalam sini saya rasa ini memang patut anak angkat diberi hak untuk mendapatkan harta tetapi anak angkat ini mestilah mengikut peraturan-peraturan undang-undang, maknanya anak angkat ini harus didaftarkan dengan secara sah, kalau saya tidak silap melalui perintah mahkamah atau kita minta Court's Order, dengan izin.

Dengan ini saya rasa saya tidak ingin mengambil masa yang panjang. Saya harap ada lagi rakan bangun untuk membahaskan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Tan Ah Eng.

3.50 ptg.

Puan Tan Ah Eng: Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam usaha memperbaiki undang-undang negara supaya undang-undang berkenaan dijadikan lebih lengkap dan sempurna, adil serta saksama terutamanya pada kali ini dengan mengadakan

suatu akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 iaitu Akta Pembahagian (Pindaan) 1997.

Ini merupakan satu langkah yang akan menjadi teladan yang baik di mana hingga setakat ini masih banyak lagi negara di dunia ini tidak mempunyai undang-undang seperti ini. Maka, Akta Pembahagian (Pindaan) 1997 ini akan menjadi satu usul penting dalam usaha membawa kepada kedudukan yang lebih adil dan saksama dalam pembahagian harta pusaka di antara kaum lelaki dan wanita dalam negara kita ini, umpamanya pada suatu ketika kaum isteri hanya berhak untuk mewarisi satu pertiga daripada harta pusaka selepas kematian suaminya. Sebaliknya pihak suami pula berhak untuk mewarisi seratus peratus harta pusaka selepas kematian isterinya. Perkara ini telah dapat diberi perhatian dan diperbaiki mengikut Akta Pembahagian (Pindaan) 1997 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak zaman berzaman, kaum wanita telah menjalankan peranan yang sangat berkesan, baik di rumah sebagai isteri dan ibu dan juga di luar rumah sebagai ejen sosial. Peranan dan sumbangan kaum wanita adalah mustahak dalam semua bidang sama ada dari segi politik, pembangunan dan ekonomi negara. Dalam menyedari hakikat ini, penggubalan Dasar Wanita Negara juga mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam pembangunan negara. Memandangkan bahawa wanita memainkan peranan yang penting di dalam dan di luar rumah serta merupakan sumber ekonomi yang penting, matlamat kerajaan adalah untuk menjadikan wanita sebagai rakan yang sama penting

dalam usaha membina negara. Namun demikian, hingga setakat ini masih terdapat beberapa aspek dari segi undang-undang atau peraturan-peraturan tertentu yang perlu diberi perhatian atau dikaji supaya pindaan-pindaan yang sesuai dan wajar dapat diadakan di dalam penyesuaian mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Satu perkara yang amat penting di mana kuasa jagaan anak atau anak-anak adalah lebih kepada kaum lelaki atau bapa, pihak ibu tidak mempunyai kuasa dalam menentukan sesuatu atau menandatangani sesuatu dokumen rasmi kerajaan untuk anak atau anak-anaknya semasa ketiadaan bapa. Ini adalah jelas dalam urusan pelbagai dokumen rasmi kerajaan, umpamanya permohonan pasport dan sebagainya.

Maka, saya ingin mengambil peluang ini menyeru kepada pucuk pimpinan kerajaan supaya dapat memandang serius perkara ini dan mengadakan langkah-langkah yang perlu dan memperbaiki keadaan seperti ini.

Ini adalah sejajar dengan strategi Dasar Wanita Negara dalam mengambil tindakan tegas untuk membasmi diskriminasi dan segala rupa ketidakadilan termasuk memperbaiki undang-undang bagi menjamin hak wanita.

Maka, dengan ini saya menyatakan sokongan saya sepenuhnya terhadap Akta Pembahagian (Pindaan) 1997 ini supaya ianya dilulus dan di'implement'kan demi kebaikan dan kepentingan negara kita amnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Sarasa Pasamanickam.

3.56 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini mengenai satu pindaan kepada Akta Pembahagian 1958.

Saya sebagai seorang kaum wanita bukan beragama Islam dan sebagai seorang wakil wanita India amat bangga dan menyambut cadangan sistem pembahagian harta tanpa mengira perbezaan jantina.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, penukaran perkataan daripada “suami” atau “isteri” kepada “pasangan yang menakat” menggambarkan keadilan dan juga kesamarataan dari segi jantina. Ini adalah satu pengiktirafan kepada kaum wanita kerana mereka dinilai setaraf dengan lelaki dan memastikan layanan sama rata. Dalam satu keluarga, kehilangan mana-mana satu anggota iaitu suami atau isteri akan mengakibatkan bebanan yang berat dan tanggungan yang serius ke atas pasangan yang menakat iaitu, dengan izin, the surviving spouse, dalam menanggung tanggungjawab keluarganya. Tanggungan ini jika dilihat dengan terperinci adalah lebih berat jika pasangan yang menakat itu seorang isteri terutama dalam menanggung masalah kewangan keluarganya jika siisteri itu seorang suri rumah tangga yang tidak bekerja atau tidak berpelajaran. Oleh yang demikian, pembahagian sebegini boleh membantu siisteri itu dalam meneruskan tanggungjawab keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, pembahagian harta yang berdasarkan prinsip masyarakat penyayang di mana pembahagian diberikan dengan

memperuntukkan satu jumlah pembahagian yang lebih jelas kepada ibu bapa simati adalah satu perkara yang mesti disambut kerana ini akan mewujudkan satu bangsa atau komuniti yang tidak mengabaikan tanggungjawab kepada ibu bapa dan sekali gus menekankan prinsip masyarakat penyayang. Ini juga boleh dikatakan sebagai satu langkah kita menangani masalah warga tua yang terbiar tanpa jagaan.

Di sini saya ingin mengemukakan kes-kes yang sering berlaku apabila seorang suami meninggal tanpa meninggalkan wasiat iaitu sibalunya bila sampai masa untuk menilai harta peninggalan suaminya sering dimusuhi oleh kaum keluarga sisuami yang merasa mereka lebih berhak di dalam harta suaminya. Ada juga balu yang tidak mendapat apa juga pun dari pihak insurans kerana namanya tidak tercatat dalam borang 'nominee' dan ramai daripada lelaki India menamakan ibu bapa sebagai waris dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan tidak menukar nama selepas mereka berkahwin.

Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi dengan formula pembahagian lebih dijelaskan sekarang seperti dalam Fasal 3. Mungkin golongan ibu bapa simati juga jika mereka mendapati keadaan kewangan mereka stabil dan mereka dapati sibalunya seorang suri rumah tangga mempunyai keluarga yang besar untuk disara, patutlah membebaskan hak mereka.

Saya juga ada satu soalan, bagaimana kalau harta pusaka itu merupakan sebuah rumah. Adakah rumah itu dijual dan wang itu dibahagikan kepada pasangan, zuriat dan ibu bapa, mengikut peruntukan undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan-perlindungan yang perlu juga mesti diberikan kepada zuriat atau isteri simati dalam kes-kes apabila seorang pasangan yang menakat bercadang untuk berkahwin semula. Sebagai pemegang amanah untuk anak-anak simati yang muda, mestilah dipastikan ia digunakan dengan cara yang sepatutnya. Lantaran itu saya menyokong penuh langkah kerajaan untuk mengadakan perubahan ini, sekali gus memberikan jaminan yang lebih baik kepada kaum ibu dan isteri di negara ini. Pindaan ini dihargai oleh kaum wanita.

Dengan itu saya menyokong pindaan Akta Pembahagian 1997. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

4.01 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pembahagian 1958 dan saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana akhirnya segala rintihan kaum wanita bukan Islam terutamanya telah diberi perhatian dalam satu perubahan kepada Akta Pembahagian ini kerana kita lama telah mendengar nasib kaum wanita yang ditinggalkan yang kematian suami tanpa wasiat dan mereka hidup merana kerana harta itu tidak dapat dibahagikan dengan sewajarnya. Ini adalah merupakan satu tindakan yang sebenarnya menyempurnakan keadilan dan ekuiti tanpa diskriminasi dan saya amat mengalu-alukan apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah tanpa wasiat ini bagi orang-orang bukan Islam, kita dapati bahawa peruntukan telah disediakan dalam subseksyen 6 (1) dengan begitu terperinci bagi mereka yang sebenarnya akan dapat manfaat daripada harta yang tidak mempunyai wasiat yang ditinggalkan oleh simati. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan bahawa besar kemungkinan peruntukan-peruntukan yang disediakan ini masih mempunyai kekurangan terutama dalam menentukan zuriat yang sebenarnya sepatutnya akan mendapat manfaat daripada harta simati yang tidak meninggalkan wasiat.

Saya menyarankan perkara ini kerana membuat perbandingan dengan apa yang kita dapati di bawah hukum faraid dalam undang-undang Islam. Dalam undang-undang Islam, pembahagian harta pusaka kepada waris atau zuriat adalah diperuntukkan di dalam apa yang dipanggil hukum faraid dan hukum faraid ini begitu terperinci hingga kita dapati bahawa semua waris atau zuriat seorang simati yang meninggal dunia tanpa wasiat ataupun kalau dalam Islam, dia boleh membuat wasiat tetapi hanya satu pertiga daripada harta seseorang itu. Ini bermakna dua pertiga itu perlulah diberi mengikut faraid, melainkan waris-waris bersetuju tentang pembahagian harta pusaka.

Jadi, dalam faraid itu diperuntukkan dengan begitu jelas, pertamanya tentang pembahagian yang perlu dibahagi-bahagikan kepada waris simati, iaitu waris dan zuriat itu diperincikan siapakah yang dikatakan waris dan zuriat. Dan seterusnya, yang kedua, juga diperincikan bagaimanakah sebenarnya pembahagian-pembahagian yang perlu diberi kepada mereka yang patut

mewarisi harta simati sehinggalah jikalau tidak ada mempunyai waris, ianya pergi kepada baitulmal.

Jadi, saya ingin mencadangkan, memandangkan perkara ini adalah perkara yang rumit kerana zuriat dan waris ini mungkin pada masa ini kita telah perincikan. Tetapi kemungkinan juga kerana ianya merupakan satu yang begitu kompleks, saya ingin mencadangkan satu jawatankuasa diwujudkan di bawah Akta Pembahagian ini sama ada mungkin dalam peraturan-peraturan yang akan digubal nanti untuk melaksanakan akta ini, satu jawatankuasa diwujudkan untuk menentukan tentang waris-waris dan zuriat yang perlu mendapat manfaat daripada harta simati yang tidak meninggalkan wasiat yang mana mungkin ada tertinggal daripada apa yang telah diperuntukkan di dalam pindaan rang undang-undang ini. Dan juga satu formula dibuat yang lebih jelas untuk menerangkan bagaimanakah peruntukan-peruntukan pembahagian yang telah ditetapkan dalam rang undang-undang ini supaya jelas bagaimana peruntukan-peruntukan yang telah dibuat ini telah diperolehi. Seterusnya, jikalau ada zuriat atau waris yang tertinggal daripada mana yang patut menerima manfaat daripada harta simati yang tidak berwasiat ini akan terus dikirakan untuk dapat menerima bahagiannya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat perbandingan dengan apa yang dilaksanakan di bawah hukum Islam iaitu tentang wasiat. Apa yang telah banyak diperkatakan dalam rang undang-undang ini ialah mengenai mereka yang meninggal dunia tanpa wasiat. Kita tahu juga bagi kaum bukan Islam banyak di antara mereka membuat wasiat

bagi harta yang mereka punyai, terutamanya sisuami yang mungkin merupakan seorang yang kaya, dia boleh membuat wasiat (will) untuk sesiapa yang dia rasa dia hendak tinggalkan hartanya.

Dalam konteks ini, ada kalanya wasiat itu mungkin tidak mengambil kira zuriat ataupun waris kepada tuan punya harta. Jadi, besar kemungkinan yang anak ataupun isteri tidak mendapat bahagian yang sepatutnya, terutamanya jikalau dalam konteks simati atau tuan punya harta itu meninggal dunia semasa dia masih muda lagi tetapi diwasiatkan kepada orang lain seluruh harta pusakanya. Jadi, ini bermakna bahawa kaum keluarganya adalah dinafikan hak yang sepatutnya.

Saya ingin mencadangkan jikalau boleh bahawa perundangan atau peraturan juga dibuat bahawa hanya sebahagian sahaja daripada harta pusaka seseorang itu boleh diwasiatkan. Contohnya, dalam Islam hanya satu pertiga harta pusaka boleh diwasiatkan kepada seorang yang luar daripada ahli keluarga atau zuriat. Jadi, ini bermakna bahawa mereka yang sepatutnya waris atau zuriat itu akan terus dapat dikekalkan hak kepada harta pusaka simati jikalau ianya meninggal dunia, kerana kita tahu ada kes-kes di mana habis semua harta seseorang itu diwasiatkan kepada orang lain dan seterusnya, anak dan zuriatnya tidak mendapat pembelaan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan satu perkara yang membawa kepada keadilan dan membawa kepada kesejahteraan sesuatu keluarga bahawa apa yang hak kepada seseorang atau ahli keluarga itu perlulah diberikan haknya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahim.

4.09 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan dan juga memberikan pandangan berkenaan Akta Pembahagian (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa membentangkan rang undang-undang ini bahawa rang undang-undang ini hanya terpakai di Semenanjung, maknanya tidak termasuk di Sabah dan juga di Sarawak. Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimana keadaannya untuk pembahagian harta bagi mereka yang bukan Islam yang tinggal di Sabah ataupun di Sarawak. Adakah mereka ini mempunyai Akta Pembahagian yang berbeza daripada apa yang digunapakai untuk kaum bukan Islam di Semenanjung ini. Kemungkinannya Yang Berhormat akan memberikan penjelasan bahawa Sabah dan juga Sarawak menggunakan cara pembahagian mengikut suku-suku kaum ataupun adat yang dilaksanakan di sana.

Saya rasakan agak sukar juga kita hendak menggunakan istilah selama seorang itu dianggap sebagai, kalau di Sabah ataupun di Sarawak mempunyai aktanya yang tersendiri ataupun cara pembahagian yang tersendiri. Bagaimana cara keadaannya kalau katakanlah, satu pasangan daripada Sabah ataupun

Sarawak yang mempunyai anak, bekerja di Semenanjung, dilahirkan di Semenanjung dan juga dibesarkan di Semenanjung, tidak di Sabah dan di Sarawak, adakah beliau ini akan terikat apabila beliau mati ataupun tidak ada lagi di dunia ini, adakah cara pembahagian hartanya akan mengikut Akta Pembahagian yang ada di Semenanjung ataupun mengikut Akta Pembahagian yang digunakan di Sabah ataupun di Sarawak? Saya harap ini akan dapat dijelaskan. Kemungkinannya hari ini kita tidak menghadapi keadaan itu, tetapi saya percaya lama-kelamaan ianya akan terpaksa juga kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta ini telah dipinda beberapa kali sejak ianya digubal pada tahun 1958, saya percaya ianya masih juga belum lengkap dan juga belum dapat memenuhi hasrat semua, khasnya mereka yang terdiri daripada bukan Islam. Saya cuma kadang kala terfikir sebagaimana yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, dalam Islam kita telah pun ada hukum faraid, cara pembahagian harta kalau berlaku kematian ataupun sebagainya, hukum yang sebegitu lengkap. Apa salahnya untuk mereka yang bukan Islam juga kita gunapakai, bukan maksudnya kita hendak mereka itu jadi orang Islam ataupun sebagainya. Oleh kerana bagi mereka yang bukan Islam, tidak ada cara-cara pembahagian harta, jadi kita gunapakai. Kita tahu bahawa hukum faraid itu adalah satu yang agak lengkap. Cuma kita gunapakai untuk mereka yang bukan Islam supaya tidak akan timbul kekeliruan-kekeliruan kepada satu cara pembahagian. Biar kita ada standard cara-cara pembahagian.

Saya percaya kalau kita ada dua cara pembahagian, satu kita gunakan di bawah Akta Pembahagian dan satu lagi kita gunakan di bawah hukum faraid bagi mereka yang beragama Islam, kemungkinan juga akan berlaku keadaan di mana katakanlah seorang bapa itu masuk Islam, selepas itu anak dia tidak masuk Islam, jadi bagaimana cara pembahagian? Adakah hendak dikira ikut hukum faraid ataupun hendak mengikut cara Akta Pembahagian ini? Akan timbul pelbagai masalah, walaupun apa yang saya cakapkan ini adalah perkara yang ekstrem tetapi, dengan izin, exception to the rule. Besar kemungkinannya perkara-perkara ini juga akan berlaku. Apa salahnya kalau pihak kerajaan memikirkan untuk menggunapakai, kerana tidak ada lagi cara-cara pembahagian bagi bukan Islam. Kalau sudah ada itu, kita gunakan, tetapi oleh kerana tiada, baik dalam cara agama masing-masing, adat masing-masing, itu saya tidak tahulah, tetapi dari pembentangan rang undang-undang ini, saya difahamkan seolah-olah tidak ada cara yang terperinci bagaimana cara pembahagian harta untuk mereka yang bukan Islam.

Begitu juga saya katakan tadi bahawa walau bagaimana kita cuba sekalipun, akta ini tidak akan lengkap dan ianya mungkin dari masa ke semasa akan cuba dipinda kerana saya percaya ianya tidak akan dipersetujui seratus peratus oleh pihak-pihak yang tertentu.

Umpamanya, saya ambil sebagai contoh, perenggan (a) *“jika seorang simati tidak berwasiat, mati dengan meninggalkan seorang pasangan dan tidak meninggalkan zuriat dan ibu bapa, pasangan yang menakat adalah berhak kepada semua harta pusaka itu.”* Katakanlah seorang pasangan meninggal

dunia, tetapi pada masa yang sama dia juga bertanggungjawab menjaga adik-adiknya yang masih lagi bersekolah, masih lagi menuntut, mungkin adik dan kakak yang masih lagi mengharapkan hidup kepada suami ataupun kepada isteri. Katakan apabila suami itu meninggal, maknanya 100% harta itu akan beri kepada isteri, secara fahaman saya yang ada di sinilah. Seratus peratus harta itu kena beri kepada isteri, dan saya percaya isteri itu tidak akan mengambil tanggungjawab untuk menjaga adik-adik ataupun adik iparnya yang telah pun ditinggalkan.

Jadi, di mana dari segi keadilan. Saya percaya perkara ini saya harapkan dalam pindaan-pindaan yang akan datang ianya juga akan diambil kira. Itulah sebabnya tadi saya timbulkan supaya cuba kita fikirkan, kita buat dengan satu fikiran yang terbuka, kita kaji hukuman faraid yang sudah ada, kita cuba utarakan kepada mereka bukan Islam supaya kita guna pakai hukuman faraid ini cara pembahagian orang Islam, dan saya fikir tidaklah menjadi satu kesalahan. Barang yang baik itu kita ikut. Bukannya kita hendai orang bukan Islam itu masuk Islam, tetapi kita cuma gunapakai sahaja daripada hukuman faraid itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya menyokong Akta Pembahagian 1997.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ting Thiong Hock.

4.19 ptg.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kerana boleh mengambil peranan perbahasan Rang Undang-

undang Pembahagian 1997. Saya berasa pindaan akta ini, dengan izin, is timely, kerana ini juga mengambil kira perasaan kaum wanita di negara ini. Kerana di belakang tiap-tiap seorang lelaki yang successful tentunya seorang perempuan, dengan izin, behind every successful man has always, boleh jadi dua, satu-dua atau lebih. Jadi, pindaan akta ini....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mastika minta laluan. Boleh beri laluan?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya dengar tadi Yang Berhormat ada menyebutkan, di belakang kejayaan seseorang lelaki ada seseorang perempuan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah di belakang kejayaan seorang lelaki ada seorang perempuan atau lebih tepat lagi kejayaan seorang lelaki di belakang seorang isteri, yang mana satu lebih tepat. Terima kasih.

Tuan Tee Thiong Hock: Yang lebih betul patut saya kata isterilah official. *[Ketawa]* Perempuan boleh jadi belum official lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sependapat dengan Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan dia bertanya berkenaan kelengkapan akta ini. Saya juga hendak mengambil sedikit masa kalau saya quote Fasal 3F, saya ambil sebagai satu misal. Kalau simati tidak berwasiat, dia hanya tidak meninggalkan pasangan, tetapi dia meninggalkan zuriat katalah ibu atau bapa. Dalam keadaan itu, zuriat dia akan dapat dua pertiga harta pusaka, dan bapa satu pertiga. Jadi, sampai satu masa bila ini sudah dibahagikan dan bapanya

meninggal juga, jadi bapa dia meninggal dan bapa dia hanya dua orang anak sahaja, tidak ada pasangan, tidak ada lain-lain, hanya ada dua orang anak. Tadi kita kata sudah meninggal. Jadi, tinggal seorang anak. Dalam keadaan itu, harta pusaka yang simati tinggalkan kepada bapa dia satu pertiga, bila bapa dia mati satu pertiga harta yang dia dapat dari simati itu akan dibahagikan kepada anak yang balance sahaja, seorang anak sahaja yang masih ada lagi, boleh jadi abang atau adik. Jadi, keadaan macam inilah saya mintalah pandangan perkara macam ini macam mana kita pandang. Adakah seorang itu kerja sangat kuat, dia dapat RM3 juta, RM2 juta pergi kepada anak yang ada 11 orang. Katalah 10 orang kerana senang kita buat calculation mathematic. Jadi, 10 orang itu dapat RM2 juta, seorang bapa hanya RM200,000 sahaja, dan balance RM1 juta itu telah pun pulang kepada bapa dia. Bila bapa dia meninggal, RM1 juta itu akan dibahagikan kepada anak yang masih ada lagi. Jadi, his brother get RM1 million, dengan izin. Kalau ini dibandingkan dengan anak-anak yang dia tinggalkan, tiap-tiap seorang dari 10 anak itu, seorang dapat RM200,000 dibandingkan dengan his brother yang dapat RM1 juta, macam mana kita pandang. Inilah satu misalan. Dengan misal ini, saya beri sokongan kepada pindaan. Saya harap juga kalau sampai masa kita buat review, kita boleh review ini greater depth. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' sila menjawab.

4.23 ptg.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah

mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini, iaitu Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Tan Ah Eng, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa Pasamanickam, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dan Yang Berhormat Tee Thiong Hock.

Pada keseluruhannya kesemua Yang Berhormat yang mengambil bahagian ini telah menyokong rang undang-undang ini. Memanglah sebenarnya rang undang-undang ini dibuat setelah memikirkan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan juga oleh pihak Majlis Antara Agama yang selalu membangkitkan perkara ini, maka sebab itulah rang undang-undang ini dipinda sedemikian rupa. Saya hendak beri jawapan kepada Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal mengenai perkara orang yang meninggal harta tanpa waris, selepas anak angkat bukan Islam dan juga anak angkat mengikut Islam.

Harta tanpa waris memanglah akhirnya harta ini akan diputus dan dipulangkan kepada kerajaan ataupun Baitulmal. Begitu juga yang berlaku harta tanpa waris ini kerana warisnya tidak dapat dikesan, dan kadangkala waris itu tidak menuntut. Maka sebab itu ada kedapatan harta-harta yang tanpa waris sebab tidak dituntut oleh waris-waris. Pada hakikatnya kadangkala memang ada. Tetapi apabila sudah putus hubungan, mereka tidak tahu, maka harta-harta itu tidak dituntut. Maka sebab itulah kerajaan mengambil keputusan sama ada harta itu kadangkala dipegang oleh kerajaan ataupun disimpan oleh Pemegang Amanah Harta menunggu siapa yang menuntut, dan

kadangkala hak orang Islam ini diberikan kepada Baitulmal untuk mengelolakan.

Mengenai dengan anak angkat, anak angkat dalam Islam terpulang kepada persetujuan waris yang berhak mendapat harta dengan syarat harta itu diberi pertamanya semasa pemilik harta itu masih hidup. Katakanlah siA ada tiga orang anak dan ada seorang isteri. Maksudnya, harta itu memang kalau dia meninggal dunia, anak dia kalau semua lelaki ataupun perempuan mendapat harta tertentu dan isteri. Orang lain dihadang, tidak berhak mendapat sebab ada pewaris-pewaris yang akrab dalam bahasa Arabnya, iaitu pewaris-pewaris yang dekat, semua harta itu dapat kepada anak lelaki satu perdua tiap-tiap orang dua bahagian daripada anak perempuan dan satu perempat dapat kepada siisteri.

Tetapi sebelum dia meninggal, dia berbincang dengan isteri dia, dia berbincang dengan semua anaknya kalau sekiranya mereka bersetuju memberi ketika hidup secara sukarela, benda itu boleh diuruskan diberi kepada anak angkat. Ada orang buat macam ini, tetapi dengan syarat dipersetujui. Kalau sekiranya tidak begitu, tetapi apabila si pemilik harta ini semasa dia hendak meninggal dunia, dia wasiat berkata “Saya hendak beri harta ini sedikit kepada anak angkat nama A”, misalannya, maka wasiat itu boleh diberi, tetapi hanya satu pertiga daripada wasiat. Jadi, yang baki itu dijadikan harta untuk diberi kepada pewaris-pewaris yang lain. Sebab itulah, benda ini dua cara.

Tetapi kalau sekiranya dia tidak wasiat, dia tidak mendapat persetujuan semasa dia hidup, kecuali rahmah ataupun timbang rasa daripada adik-adik lain yang ada masih hidup, kalau sekiranya di antara mereka bersetuju, boleh

diberi. Insya-Allah, saya kedapatan jaranglah kalau sekiranya anak kita orang Islam kalau ada ambil anak angkat, selalunya mereka berbahagi demikian rupa. Kadangkala mereka relalah, hendak pula anak angkat menjaga ibu ayah mereka lebih baik daripada mereka sendiri, selalu mereka akan membalas budi kepada anak angkat yang berkenaan, itu selalunya. Sebab waris ini, wasiat ini hanya kalau dia kata “Saya wasiat semua harta saya beri kepada anak angkat”, ia tidak gugur kesemuanya, kerana ia hanya gugur satu pertiga sahaja. [*Sambil membaca Hadis*] maksudnya: “Wasiat ini tidak boleh gugur kesemua, kecuali satu pertiga.” Selalu kita beri wasiat satu pertiga.

Selain daripada itu, saya berpindah kepada Yang Berhormat Tan Ah Eng. Memanglah kita akui tugas yang dijalankan oleh siisteri kita boleh nafikan. Sebab itulah di dalam akta ini kita memberikan peruntukan ataupun perkara khusus kepada siisteri, walaupun sisuami itu mati tanpa wasiat, kita berikan kepada mereka. Sebab ini merupakan satu penghormatan kepada mereka. Kita memanglah cuba sebaik mungkin supaya kita tidak nampak kita ada diskriminasi di antara perkara ini, sebab banyak perkara yang kita cuba seimbangkan, selagi dibolehkan kita seimbangkan, kecuali kepada perkara tertentu dalam Islam tidak boleh diimbangkan, kita kekalkan memang tidak boleh diberikan perimbangan, sebab itu hak. Kita tidak boleh mengatakan diskriminasi kalau sekiranya benda itu hak. Kalau hak itu kepada seorang suami, mengapa tidak beri kepada siisteri itu tidak boleh. Bukan diskriminasi, sebab hak, kerana hak itu di tangan suami memberi nafkah. Kita tidak boleh mengatakan siisteri sepatutnya memberi nafkah, sebab itu hak. Kalau talaq itu di tangan suami, kita tidak boleh talak itu diberi kepada isteri, kerana hak talaq itu ke atas suami. Sebab dalam agama ada ceritanya, kalau hak talaq ini diberi kepada isteri, dia buat hal hendak cerai 20 kali sehari. Sebab itu hikmahnya dilindung sedemikian rupa. Sebab itulah kadangkala ada hikmat dengan sebab itu. Sebab itu saya tekankan mana yang hak, mana yang patut kita minta, mesti

kita tahu mengasingkan. Kalau tidak, benda itu tidak akan dapat berjalan dengan sebaik mungkin.

Selain daripada itu, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng perkara-perkara lain yang perlu diambil kira, soal penjagaan anak, perkara ini kerajaan sedang mengkaji perkara-perkara yang berkenaan termasuk soal hak penjagaan anak untuk menyeimbangkan daripada segi hak-hak yang tertentu bagi hendak diberikan kepada wanita ataupun hak ibu yang menjaga anak. Ini juga kita akan fikirkan bagaimana supaya dapat dipinda rang undang-undang di masa akan datang supaya lebih kemas lagi dalam usaha kita menjaga anak di negara kita ini.

Saya pindah kepada perkara yang ketiga, Yang Berhormat Puan Sri Sarasa, yang menanyakan bagaimana jika sebuah rumah ditinggalkan, bagaimana hendak dibahagikan. Ini terpulang kepada persetujuan yang ada kalau orang itu berwasiat, dia mati tanpa wasiat maka siapa yang ada, kalau zuriat dia, suami ataupun isteri, dia berundinglah, kalau sekiranya rumah itu hendak dijual kepada seseorang tertentu, dia bayar duit itu kemudian hak bahagian dia itu atas harga rumah, yang lain itu berilah kepada orang yang lain mengikut bahagian-bahagian yang telah ditetapkan dalam akta ini. Jadi, itu terpulang kepada persetujuan di antara mereka.

Begitu juga memanglah akta ini mengambil kira masalah keluarga tua, kemudian lain-lain masalah, sebab itulah kita bentangkan dengan cara ini, sebab ibu bapa boleh mendapat harta, kalau dahulu memang tidak ada, kalau sekiranya simati itu ada suami ataupun meninggalkan isteri maka tidak ada

peluang untuk dapat kepada ibu ataupun bapa, kalau mengikut undang-undang yang dahulu. Sebab itu kita pinda sedemikian rupa.

Lepas itu Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim mengenai masalah menentukan zuriat, masalah wasiat yang memberikan semua harta kepada orang lain. Zuriat ini ditafsirkan dalam Akta 300 yang meliputi maknanya anak, cucu, jika anak itu mati dahulu, berterusanlah. Dalam Islam dia ada anak, cucu hingga a'la ke atas, anak, ibu bapa hingga ke atas dan ke sofla ke bawah ialah anak, cucu, cicit, cuit, gomek, kelopak, buyut. *[Ketawa]* Ha, itu ke bawah. Kalau ke atas, datuk, nenek, moyang, luka berameh. Ha, kalau hendak dicampur lagi luka baring, luka diri, campurlah, tetapi yang saya ingat setakat itu.

Jadi, bermakna dia boleh menerima harta sampai ke atas seperti itu di dalam Islam. Tetapi hakikatnya kita kadangkala mati setakat cucu sahaja, cicit pun jarang-jarang hendak dapat. Sampai kepada cucu sahaja gol, jarang orang yang sampai ke cicit ataupun cuit, gomet, kelopak, buyut jauh sekali. Tetapi mana ada keturunan. Jadi, ini semua zuriat yang kita mesti teruskan ini, kerana kalau orang ini tidak ada, dia turun kepada lapisan yang tertentu sama ada ke atas ataupun ke bawah.

Peruntukan bagi nafkah isteri dan anak memang diperuntukkan dalam rang undang-undang jika simati meninggalkan wasiat yang memberikan semua hartanya kepada orang lain. Maknanya jika simati meninggalkan wasiat yang memberikan semua hartanya kepada orang lain, sedangkan dia ada anak dan isteri, maknanya dia mesti ada hak juga, sebab waris dia ada mestilah

ditentukan oleh pihak undang-undang bagaimana pembahagian yang sebenarnya patut diberi kepada waris-waris yang terdekat, sebab dahulu kita selalu mewariskan harta ini kepada orang yang menjaga kita. Ini yang selalu berlaku, dia tidak memikirkan orang lain, dia tidak kira, siapa yang menyayangi dia, duduk menjaga dia, kadangkala hak itu yang dia hendak beri semua. Kadangkala hendak pula anak dia itu balik pun jarang, sombong pula, ha, itu yang tidak hendak diberi, sebab itu kadangkala dia menentukan supaya wasiat ataupun supaya harta itu diberi kepada orang yang lebih sayang kepada dia. Tetapi dengan adanya akta ini kita akan tentukan pembahagian mengikut akta, tidak kira sama ada anak dia itu disayanginya ataupun tidak.

Dalam Islam, dia berlainan, walaupun anak sendiri, dia ada kala tidak boleh mendapat harta, kalau sekiranya anak itu murtad. Ha, itu dalam Islam, apabila dia tidak Islam memang putus. Kalau sekiranya anak kita murtad tidak boleh.

Yang kedua, kalau sekiranya anak itu bunuh ayah, dia hendak harta, bunuh. Jadi, apabila kesalahan ini memang dia membunuh dengan sengaja, maka dia tidak berhak dapat harta pusaka daripada ayahnya sebab dia membunuh ayahnya. Ha, itu dia ada sedikit perbezaan di antara kehendak Islam dan sebagainya.

Begitu juga kalau siisteri, dia belum lagi mati misalannya, cuba-cubakan dia cerai sebelum dia mati - tak adalah! Maknanya dia tidak berhak mendapat harta dari bekas suami kecuali kalau suaminya mati dahulu dan dia tidak bercerai, adalah hak dia di situ. Tetapi anak kalau dia tidak membunuh

ayahnya, dia tidak murtad, maknanya kalau silelaki dapat 1/2, kalau siperempuan dapat 1/4 ertinya silelaki dapat dua bahagian, siperempuan dapat satu bahagian. Kalau kita bertanya mengapa begitu? Jawabnya hikmahnya ada, pertama, orang lelaki itu apabila dia berkahwin dia menanggung isteri dan anak tetapi yang perempuan itu bila dia kahwin, suami dia menanggung dia pula. Ha, itu hikmahnya di dalam Islam.

Selain daripada itu, saya juga hendak

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah ingin minta jalan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' ada menyebutkan jika seorang isteri bercerai dengan suami, dia tidak berhak mendapat harta suami sebagai pewaris, itu mungkin betul. Tetapi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Dato', jika sekiranya isteri bercerai dengan suami, adakah cara-cara lain dia boleh mendapatkan harta misalnya harta sepencarian, tidakkah dia berhak kepada harta sepencarian? Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itu dia kena tuntutan kepada mahkamahlah menentukan sama ada dia ada masa dahulu harta sepencarian sama dengan dia, kalau sekiranya terbukti itu bolehlah ditentukan oleh mahkamah sama ada boleh diberi atau tidak. Tetapi kalau ikut faraid selalunya apabila dia telah diceraikan dahulu sebelum suaminya meninggal bererti dia putuslah pewaris untuk mendapat harta daripada bekas

suaminya itu. Tetapi mungkin ada cara lain dia boleh menuntut harta sepencarian, sebab ini kita buat juga dalam Felda dan sebagainya, kadangkala kita pastikan supaya dia itu diagihkan dan diberikan mengikut harta sepencarian dengan mereka sama ada mereka itu diceraikan dahulu ataupun suami dia meninggal dia masih hidup, ini adalah perkiraan lain yang kita selalu laksanakan demi untuk keadilan kepada bekas isteri yang ditinggalkan oleh suami yang telah meninggal dunia.

Lepas itu saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, lain-lain formula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia memanglah selepas akta ini diluluskan, pihak berkenaan akan membuat phamplet yang tertentu mengenai cara pembahagian. Selalunya kita pewaris, kita kata ini dapat $\frac{2}{3}$, kalau yang ini dapat $\frac{2}{4}$ jadi, senang apabila orang datang, dia boleh melihat daripada phamplet yang disediakan, kita ringkaskan, kita mudahkan sebab faraid selalu begitu, kalau sisuami mati, tinggal anak dan anak dapat berapa bahagian, kita tentukan. Jadi, benda ini boleh kita buat. Kita ringkaskan dengan apa yang ada dalam akta ini, jadi pihak-pihak yang terlibat apabila dia bertanya bagaimana pembahagian harta dia, kita beri phamplet itu dia boleh ikut sebagaimana yang ditunjukkan oleh peraturan yang telah kita sediakan, insya-Allah, kita akan buat formula ataupun cara yang lebih untuk membahagi harta masing-masing.

Lepas itu, yang lain-lain itu, jawatankuasa tertentu begitu begini dan sebagainya, memanglah akan diperhatikan oleh jabatan yang berkenaan

kemudian kalau ada perkara yang tidak lengkap kita akan lengkapkan dari masa ke semasa mengenai pembahagian harta ini. Insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba menyentuh mengenai faraid untuk digunakan kepada orang lain, hakikatnya faraid ini memang khas untuk orang Islam, tetapi kalau kita melihat sedikit sebanyak persamaannya dan caranya pun tidak begitu berbeza. Apabila saya bertanya pihak Penggubal Undang-undang, memanglah di antaranya kita berdasarkan kepada faraid dalam Islam. Tidak begitu banyak beza. Sebab itulah kalau kita melihat sendiri, orang ini dapat $\frac{2}{3}$, $\frac{1}{2}$ dan sebagainya, memang jelas dalam perkara ini, sebab itu kita adakan akta ini. Kalau tidak, kita suruh pembahagian pusaka kecil dengan faraid terus, tetapi oleh kerana perkara itu tidak boleh dilaksanakan di bawah faraid maka kita kemukakan rang undang-undang ini. Saya percaya rang undang-undang ini memang diterima baik oleh orang-orang bukan Islam kerana nampak keadilan itu cukup jelas kepada mereka.

Selain daripada itu juga mengenai, yang lain itu saya telah sebutkan, macam anak bukan Islam kalau sekiranya ayahnya Islam anaknya keluar bukan Islam maka dengan sendirinya tidak dapat harta. Di Sabah dan Sarawak ia ada akta sendiri. Ada akta sendiri, ia atau tidak?

Tuan Ding Seling: Ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ha, confirm! *[Ketawa]* Alhamdulillah, saya boleh tanya, ada di depan. Dia hendak menguji saya tahu atau tidak tahu. Jadi, saya sudah jawab dahulu. Sebab banyak, bukan hanya akta ini sahaja, banyak akta-akta lain yang berlainan di antara Sabah dan Sarawak. Bahkan kedudukan hakim sendiri pun ada berlainan di antara Sabah dan Sarawak. Akta-akta ini ada sendiri di Sabah dan di Sarawak dan mereka

menggunakan untuk Sabah dan Sarawak. Yang dia hendak beri kalau dia hendak tuntutan sama ada di Sabah dan di Sarawak ataupun dia hendak tuntutan di sini, lepas itu dia pergi bermastautin di sana, isteri dia di sana, begitu begini, itu terpulang kepada pilihan dia. Kalau dia pemastautin di sana, walaupun dia warganegara yang lahir di sini, di Malaysia Barat, tetapi dia bermastautin di sana mungkin dia hendak buat cara di sana, mereka boleh fikirkan bagaimana, ataupun kalau dia lahir di sini, lebih baik dia menuntut di sini, ikut undang-undang di sini, dia boleh menuntut di sini. Jadi, itu terpulanglah kepada kebijaksanaan orang yang berkenaan. Pada hakikatnya tidak banyak berbeza seperti yang saya katakan tadi, lebih kuranglah sama apa yang kita hendak buat, hendak diselaraskan dengan apa yang ada di sini.

Saya rasa itu sahajalah yang saya hendak jawab, terima kasih banyak

.....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya satu kemusykilan iaitu masalah kalau bapa tadi Islam dan anak murtad, kita tahulah harta pusaka tidak termasuk dalam hukum faraidlah anak tadi tetapi kalau sekeluarga itu bukan Islam, kemudian bapanya masuk Islam, anak-anak tidak masuk Islam tetapi harta itu adalah harta sewaktu sama-sama sebelum bapa masuk Islam. Bagaimana bolehkah anak berhak untuk menuntut harta pusaka di bawah akta ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila bapa dia masuk Islam dengan sendiri anak dia kalau tidak masuk Islam dia tidak boleh mengikut hukum faraid, dia tidak boleh menuntut cara akta ini yang menyekat untuk orang yang bukan Islam. Jadi, maknanya....

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Yang masalahnya, anak yang menuntut, yang meninggal betullah bapanya Islam tetapi anaknya

adakah dia berhak menuntut menggunakan akta ini bukan dari segi pembahagian mengikut hukum faraid. Dari segi pihak penuntut bukan pihak yang membahagi.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Yalah, kalau dia tuntutan pun sebab ayah dia sudah masuk Islam, masa dia meninggal itu sudah Islam, memang dia tidak boleh sebab kita kena, sebab itu memang sudah begitu, tidak bolehlah. Tidak boleh, ertinya dengan sebab itu dia berpisah waris untuk menuntut pusaka kerana agama tadi, itu sudah begitu jadinya.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan. Bukankah ada di dalam Hadis yang mengatakan “*Tidak akan mewarisi waris yang kafir itu akan harta orang Islam*”.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Yalah, memang begitu sebab saya pun sudah sebut tadi, saya tidak sebut Hadislah *[Ketawa]* tetapi maknanya saya sokonglah. Terima kasih. *[Ketawa]* Jelas.

Terima kasih banyak, saya minta maaf saya sudah jawab setakat yang saya mampu, yang tidak dijawab itu akan diambil perhatian. Banyak cadangan yang dibuat oleh pihak-pihak Yang Berhormat bagaimana hendak melaksanakan ini. Insya-Allah, kita cuba setakat yang kita mampu supaya memberi keselesaan kepada sesiapa yang terlibat di dalam masalah harta ini. Jadi, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Seksyen 67, Akta Syarikat 1965, semua syarikat yang ditubuhkan di negara ini sama ada syarikat awam mahupun sendirian berhad adalah dilarang daripada membeli balik sahamnya sendiri atau memberi bantuan atau jaminan kewangan bagi tujuan membeli

saham syarikat tersebut atau syarikat induknya. Pengecualian bagi larangan tersebut hanya terhad kepada keadaan-keadaan berikut:

- (i) pinjaman atau bantuan kewangan tersebut merupakan perniagaan biasa syarikat tersebut dan ianya diberikan dalam perjalanan biasa perniagaannya;
- (ii) di mana pembelian saham atau bantuan kewangan berkenaan adalah untuk keperluan pekerja-pekerjanya atau pekerja-pekerja anak syarikatnya untuk memiliki saham syarikat berkenaan sama ada secara pegangan terus ataupun secara pemegang amanah.

Tuan Yang di-Pertua, pengecualian-pengecualian bagi larangan tersebut di atas adalah amat terhad, ianya tidak merangkumi keadaan di mana syarikat awam yang disenaraikan di bursa saham khususnya, dibenarkan untuk membeli balik sahamnya sendiri ataupun memberi bantuan kewangan kepada pihak lain untuk membeli sahamnya dalam situasi-situasi di mana harga sahamnya di pasaran saham tidak stabil akibat penjualan berlebihan oleh pihak-pihak tertentu.

Di dalam jangka panjang, keadaan sedemikian boleh menjejaskan kedudukan syarikat dan merugikan pemegang-pemegang sahamnya kerana harga saham tersebut di pasaran saham akan terus menurun apabila lebih ramai pelabur menjualnya tanpa ada pembeli. Keadaan ini memberi peluang kepada spekulator terutamanya dari luar negeri memanipulasikan pasaran saham di

negara ini dan seterusnya membolehkan mereka mengaut keuntungan yang tidak munasabah, seperti yang berlaku di pasaran saham baru-baru ini.

Walaupun harga saham sesebuah syarikat yang disenaraikan itu mengalami kejatuhan akibat penjualan saham berlebihan oleh pelabur-pelabur, tetapi dalam keadaan tertentu syarikat-syarikat berkenaan mungkin berupaya dari segi kewangan untuk membeli sahamnya yang berlebihan di pasaran saham dan seterusnya menstabilkan harganya.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang kini dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini mengandungi satu Fasal pindaan sahaja seperti yang disebutkan tadi, larangan di bawah Seksyen 67, Akta Syarikat 1965 memberi pengecualian yang terhad. Oleh yang demikian, adalah wajar satu peruntukan baru iaitu Seksyen 67A diperkenalkan untuk membolehkan syarikat awam yang disenaraikan di bursa saham membeli sahamnya di pasaran saham atau memberi bantuan atau jaminan kewangan kepada pihak lain bagi tujuan membeli sahamnya di dalam keadaan yang tersebut di atas. Tindakan ini bukan sahaja dapat menstabilkan kedudukan saham syarikat dari segi penawaran dan permintaan sebenar dan harganya, tetapi juga mewujudkan suasana yang sihat di dalam pasaran saham di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan pindaan ini membolehkan syarikat-syarikat membeli balik sahamnya di pasaran saham tetapi pengecualian yang diberikan ini perlu memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan demi untuk mengelakkan pengecualian ini disalahgunakan oleh

pengarah-pengarah syarikat untuk kepentingan diri mereka sendiri. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum sesebuah syarikat boleh melaksanakan belian balik saham atau memberi bantuan kewangan kepada pihak lain untuk tujuan itu adalah seperti berikut:

- (a) Pembelian balik saham hendaklah dibenarkan oleh Artikel Persatuan Syarikat;
- (b) Syarikat hendaklah merupakan sebuah syarikat awam yang disenaraikan di bursa saham yang diiktiraf;
- (c) Syarikat hendaklah solvent pada tarikh belian saham dibuat;
- (d) Pembelian saham berkenaan hendaklah dibuat melalui pasaran saham;
- (e) Pembelian saham berkenaan hendaklah dibuat secara suci hati semata-mata demi kepentingan syarikat; dan
- (f) Syarikat dikehendaki memfailkan butir-butir pembelian-balik saham tersebut kepada Pendaftar Syarikat dan Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh transaksi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana syarikat tidak boleh menjadi pemegang sahamnya sendiri, adalah wajar saham yang telah dibeli balik itu dibatalkan sama seperti peruntukan saham preference yang ditebus atau redeemable preference shares di bawah Seksyen 61, Akta Syarikat 1965. Sehubungan dengan itu nilai saham yang terlibat akan dipindahkan ke dalam

capital redemption reserve syarikat itu dan seterusnya boleh diagihkan sebagai saham bonus kepada pemegang-pemegang saham yang lain. Ini adalah selaras dengan sistem perakaunan sesebuah syarikat.

Peruntukan ini adalah sama dengan peruntukan di bawah Undang-undang Syarikat di Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Untuk menentukan peruntukan ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak terutamanya pengarah-pengarah syarikat berkenaan. Pindaan yang dicadangkan juga menyediakan peruntukan untuk mewujudkan suatu kesalahan ke atas syarikat, pegawai-pegawainya dan juga mana-mana orang lain yang menyalahgunakan kuasanya di bawah peruntukan tersebut. Kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman penjara lima tahun atau denda RM100,000 atau kedua-duanya sekali.

Selain daripada peruntukan dalam cadangan pindaan itu sendiri, peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Kanun Keseksan Penal Code, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Peraturan-peraturan BSKL Mengenai Jual-Beli Saham di Pasaran Saham adalah terpakai kepada transaksi belian-balik saham di bawah pindaan yang dicadangkan ini. Oleh itu, ingin saya menegaskan di sini bahawa pihak-pihak berkuasa yang berkaitan seperti Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan polis akan bertindak keras berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk memastikan kemudahan ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

5.00 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana berani mengikut jejak langkah yang dibuat oleh negara-negara yang lebih maju seperti yang disebutkan tadi, Amerika, U.K. dan juga Australia.

Sebelum saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mengkaji pula latar belakang sesebuah negara itu di dalam bidang pembelian dan penjualan saham. Amerika Syarikat, Australia dan U.K. mempunyai sejarah yang telah pun memantapkan kedudukan sektor jual beli saham ini menerusi badan-badan tertentu yang juga disokong oleh etika perniagaan dan perdagangan di sesebuah negara itu. Kalau ini dibandingkan dengan negara kita Malaysia yang baru sahaja kini cuba memantapkan kedudukan pasaran saham kita di Kuala Lumpur dengan mewujudkan suruhanjayanya sendiri, security commission, dengan izin, dan juga bangunan baru BSKL yang kita nampak tersergam, semuanya menunjukkan wujudnya aturan dan peraturan yang akan menentukan tidak terhakis keyakinan orang

ramai terhadap pasaran saham kita. Tetapi yang penting bagi kita ialah psikologi mereka yang melibatkan diri di dalam bidang membeli dan menjual saham di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur ini.

Kita tengok dari segi Papan Kedua dan Papan Pertama, terutama Papan Kedua. Apabila saya tengok saham-saham yang disenaraikan di dalam Papan Kedua, saya dapati ianya tidak mengikut langsung rata-rata ciri-ciri kemantapan sesebuah syarikat apabila kita membuat satu-satu keputusan untuk membeli saham syarikat-syarikat itu, tidak mengikut fundamentalnya. Saya tengok ada kadang kala price earning ratio, dengan izin, saham-sahamnya meningkat sampai 200, 300. Pukul rata kalau kita tengok di Amerika, U.K. dan juga di Australia, mereka yang melabur untuk hendak meletakkan wang ringgit di dalam bidang saham ini hanya mencari syarikat-syarikat yang mempunyai fundamental yang tidak lebih daripada kadang-kadang 20, pukul rata antara 8 ke-13. Ini sampai sudah 200, 400, sampai tidak ada langsung p.e. dan dalam keadaan yang sama kita tengok ramai yang melabur di dalam pasaran saham kita sehinggakan apabila ia meningkat kepada 1,400 mata kita tengok capitalisation, dengan izin, modal yang kita tanam mengikut skripnya sampai 400 bilion dan kini dengan keadaan indeks yang turun daripada 1,500 dahulu sampai bawah daripada 1,000, 200 bilion habis dari segi perkiraan. Itu bukannya kehilangan wang, tetapi dari segi nilai saham-saham di pasaran kita sekarang ini menurun daripada 400 bilion kepada lebih kurang 200 bilion.

Dalam keadaan yang sebegini rupa, saya bimbang bagaimana kebijaksanaan pihak yang mengaturkan program ini dapat membiarkan syarikat-syarikat membeli saham masing-masing ataupun memberikan pinjaman kepada ahli-ahli lembaga pengarahkah atau kakitangan untuk membeli saham-saham sendiri kerana tekanan pasaran kita merupakan tekanan yang agak dibuat-buat (artificial). Kadang kala kita dengar ada orang menelefon, tolong beli saham ini, dia akan meningkat daripada RM10.00 kepada RM23.00 dalam masa transaksi tujuh hari, sekarang transaksi ini sudah kurang kepada lima hari dan mungkin pada masa akan datang dua hari. Ini merupakan satu mekanisme untuk hendak mengurangkan spekulasi, tetapi di negara kita setakat ini spekulasi masih menebal. Ianya tidak memerlukan orang-orang semacam Soros, tidak memerlukan dana kewangan daripada luar negara untuk hendak menentukan arus ataupun turun naiknya harga-harga saham di negara kita ini, kerana dari segi nilainya pasaran kita ini kalau dibandingkan dengan pasaran di Amerika misalnya, kecil sangat. Jadi, ia mungkin dapat diganggu-gugat seperti mata wang Ringgit kita, Peso, Baht dan juga Rupiah, dapat diganggu-gugat oleh investor dan juga dana-dana kewangan di peringkat antarabangsa.

Saya terbaca dalam surat khabar baru-baru ini *Business Times* di Singapura, saya tengok Soros menerusi quantumnya telah mendapat keuntungan hampir 1 bilion pada bulan Julai dan bulan Julailah tergugatnya keadaan mata wang kita sehinggakan dia bergilir-gilir, mula-mula dia pergi tuju kepada Baht, selepas itu pergi pula kepada Peso dan sekarang Ringgit serta

Rupiah dan Dollar Singapura sedikit-sebanyak, tetapi Singapura reservenya lebih tinggi daripada negara-negara lain, saya difahamkan lebih satu tahun foreign reservenya.

Jadi, kedudukan pasaran yang sebegitu rupa kita amat terdedah bukan sahaja kepada dana-dana luar negara, tetapi lebih penting lagi terdedah kepada spekulasi antara mereka yang terlibat dalam saham ini, mereka yang ada kaitan dengan orang-orang tertentu. Bila kita dengar sahaja berita-berita bawah tanah (under ground) mengatakan saham itu akan naik, hari besok kita tengok dia meningkat sehinggakan kadang kala ianya dapat disekat dari segi pasaran kerana telah melebihi 30%, saya sudah lupa, daripada harga asal digantung sekejap.

Jadi, saya rasa pihak kerajaan perlu berhati-hati kerana keadaan pasaran kita berbeza dengan Australia yang sudah mantap, berbeza dengan U.K., berbeza dengan Amerika. Psikologi mereka yang melabur pun berbeza. Di rantau Asia ini kebanyakannya psikologi dari segi perjudian (gambling) pasaran saham lebih daripada tempat-tempat lain, sebab itulah kadang kala apabila price earning ratio sampai 50, 100, 200, banyak juga yang hendak melabur kerana mereka terdengar berita-berita tertentu mengatakan saham syarikat itu akan dipermain-mainkan untuk terus meningkat.

Kadang kala ada saham sampai meningkat RM100, RM120 wal hal dari segi fundamentalnya tidak sepatutnya sebegitu rupa. Jadi, saya hendak bertanya pihak kerajaan bagaimana dengan keadaan yang sebegitu rupa dapat kita mengadakan akta yang serupa dengan Australia, serupa dengan U.K.,

serupa dengan Amerika wal hal kerangka pasarannya amat berbeza. Psikologi mereka yang bermain, membeli atau menjual saham di negara kita di rantau ini amat berbeza.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita kena kaji semula cara bagaimana kedudukan ini tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak. Kalau sekiranya orang yang mempunyai saham yang terbesar dalam syarikat ini memainkan peranan yang tertentu secara sulit, ianya boleh menimbulkan masalah-masalah dari segi harga pasaran. Jadi, kita memerlukan satu kekuatan untuk menentukan mereka yang terlibat, seperti yang disenaraikan oleh pihak kerajaan tadi, akan menerima akibatnya dan menerima akibatnya secara besar-besaran supaya tidak terhakis pandangan orang luar, orang dalam, di dalam pasaran saham di negara kita.

Apabila terhakis sahaja konfiden, hilang sahaja kepercayaan, saya bimbang untuk hendak mengembalikan balik kepercayaan itu kepada keadaan yang sebelumnya akan mengambil masa. Dalam keadaan sebegitu rupa, mereka yang tersangkut di dalam keadaan ini amatlah merasakan kerugian kerana bank akan menelefon terus, harga saham sudah turun, hari itu pinjam duit 70% sahaja, 60% disandarkan kepada bank dan kini harga yang begitu rendah, ianya lebih daripada 60%, sudah dipanggil suruh bayar. Ada yang kena jual rumahlah, ada yang pening kepala, tidak tidurlah, ada yang kahwin lebih daripada satu, lepas itu cerai dan sebagainya kerana tidak dapat hendak menampung keadaan semasa kerana turun naiknya harga saham.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mahu minta laluankah?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya, terima kasih. Minta penjelasan berkenaan dengan satu kahwin dua, kemudian daripada dua, ceraikan pula satu. Bolehkah beri contoh-contoh yang berlaku yang dapat diketahui oleh Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingat dia tunggu lagi indeks saham akan turun lagi, adalah agaknya kemungkinan perkara ini berlaku. Jadi, gejala sosial bukan sahaja diakibatkan oleh etika dan budaya, ianya juga diakibatkan oleh keadaan saham. Itu saya bimbang, takut ianya menular untuk hendak menggugat pula kedudukan dan keadaan sosial kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh itu sahaja dan menyokong supaya kalau akta ini dibentangkan, kita buatlah apa sahaja yang patut bagi menentukan ianya dapat diimplementasi dengan sebaik mungkin sehinggakan ianya tidak menjejaskan atau menghakis kepercayaan orang ramai, pelabur-pelabur baik di dalam negeri mahupun di luar negara kita di dalam menceburkan diri bagi memastikan kedudukan pasaran saham kita di Malaysia ini sentiasa mantap, seperti mantapnya kedudukan ekonomi kita. Saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahim Baba.

5.10 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi apabila kita mendengar pembentangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pindaan Akta Syarikat 1997 ini, Yang Berhormat mengatakan bahawa pindaan yang dilakukan hanyalah satu, iaitu terhadap tambahan seksyen 67A.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaannya hanya satu dan pendek sahaja, tetapi pada saya pindaan ini mempunyai kesan yang sungguh-sungguh jauh dan juga sungguh-sungguh mendalam sekali. Untuk melaksanakan pindaan ini, the key word, dengan izin, yang digunakan ialah sesuatu yang dibuat dengan suci hati. Perkataan “suci hati” adalah menjadi pengukur sama ada pindaan ini boleh dilakukan ataupun tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Saya percaya pihak kementerian telah pun mengkaji bahawa sebenarnya pengarah-pengarah syarikat yang memegang syarikat-syarikat awam terdiri daripada mereka yang suci hatinya ataupun dengan lain-lain perkataan, pindaan ini dibuat dengan ‘in good faith’, dengan izin, tetapi manusia tetap manusia.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya lama terlibat dalam bidang korporat, saya pun terperanjat juga dengan pindaan ini. Sama ada pindaan ini dibuat dengan secara yang tergesa-gesa ataupun adakah pindaan ini telah pun dikaji tentang implikasinya secara mendalam oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti (Security Commission), oleh Kuala Lumpur Stock Exchange, oleh Bank Negara ataupun sebagainya. Kerana sepertimana yang telah pun saya

perkatakan pada awal tadi, pindaan ini mempunyai kesan yang sungguh mendalam dan ianya hanya bergantung kepada the key word, dengan izin, 'suci hati' mereka yang melaksanakan pindaan ini. Walaupun dikatakan ada penalti, tetapi penalti itu hanyalah kalau dia tidak melaporkan sesuatu transaction selepas empat belas hari, barulah ada penalti.

Saya lihat pindaan ini akan merangkumi kesemua dari segi Akta Syarikat kita yang ada sekarang. Adakah melalui pindaan ini kita mengizinkan insider trading, dengan izin. Adakah kita membenarkan dagangan dalaman? Apakah ianya tidak akan menjurus pihak-pihak yang tertentu akan mengambil peluang untuk mengadakan dagangan dalaman, kerana ahli-ahli lembaga pengarah di dalam sebuah syarikat ataupun pemegang saham terbesar dalam sebuah syarikat yang kontrol syarikat itu, dia sudah tahu peruntukan duit syarikat itu akan membeli sahamnya balik. Apakah ini tidak ada elemen insider trading? Apakah dengan pindaan ini kita akan mengizinkan? Dan banyak lagi kaitannya terhadap pindaan ini walaupun satu, sedikit, tetapi kesannya sungguh-sungguh mendalam sekali.

Dalam pindaan ini disebutkan, satu lagi saya hendak dapatkan penjelasan, tentang penetapan harga. Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apabila harga tidak stabil. Apakah istilah harga tidak stabil? Pada peringkat manakah sesebuah syarikat itu boleh beli balik sahamnya. Katakanlah Genting, apakah harganya bila RM10 boleh dibeli ataupun bila harganya RM7, RM8 ataupun RM15, pada peringkat yang mana yang akan

ditentukan dan pada peringkat mana pula syarikat itu berhenti daripada membeli balik syarikatnya?

Satu perkara lagi yang perlu dilihat oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti ialah apabila sebuah syarikat itu, saya ambil Genting sebagai contoh sahaja, katakanlah dengan harga RM10, harga pasaran dia katakanlah RM100 milion paid up capital, dengan izin, selepas itu syarikat beli balik RM20 milion. Dalam akta ini dikatakan wang yang dibeli itu akan dimasukkan ke dalam capital redemption reserve.

Saya ambil contoh, kalau syarikat itu gunakan RM20 milion beli saham, maknanya, RM20 milion sudah dikeluarkan dan digunakan untuk - saya tidak tahu daripada mana perkataan capital redemption reserve ini boleh keluarkan bonus dan sebagainya. Secara tidak langsung kalau mengikut akta ini, paid up ataupun modal berbayar syarikat itu akan berkurangan. Kalau kita sudah beli RM20 milion, kalau asalnya RM80 milion, akan tinggal RM80 milion, begitu Yang Berhormat ya.

Seorang Ahli: Okay.

Datuk Rahim bin Baba: Jadi, itu keadaannya. Juga katakanlah seseorang itu memegang sahamnya, dia ada dalam 32% pada suatu ketika. Tetapi apabila capital telah pun turun, dan mungkin pegangan dia akan melebihi 32%, kerana kalau mula-mulanya base on RM100 milion, selepas itu berpandu kepada RM80 milion, kalau dia ada 32% pada ketika itu, dia akan menjadi 34% ataupun 35%, dan dia telah tertakluk kepada general offer pula, Seksyen 34 Akta Syarikat kalau tidak silap saya. Dia kena buat pula general

offer kepada pemegang-pemegang saham yang lain. Jadi, saya pun tidak tahu sama ada akta ini benar-benar telah pun difikirkan secara mendalam oleh pihak kerajaan ataupun ianya dibuat secara terburu-buru. Niat itu memang baik sekali, saya percaya memang kerajaan mempunyai niat yang baik, tetapi kita berhadapan dengan manusia yang saya percaya bukan semuanya suci hati. Saya percaya dalam banyak pindaan lain yang akan terpaksa dibuat oleh pihak syarikat ataupun pihak kerajaan dalam mesyuarat-mesyuarat akan datang, mungkin ada undang-undang lain, tetapi malangnya dalam mesyuarat akan datang saya tidak dapat peluang lagi berbahas. Hari ini pun hari penghabisan saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini.

Saya dapati kita buat ini niat kita memang baik supaya jangan memberi peluang kepada pihak spekulator untuk mengambil kesempatan daripada pasaran saham dan sebagainya. Kita mesti ingat, penurunan harga saham yang berlaku sekarang ini bukanlah kerana syarikat-syarikat ini tidak boleh hendak beli balik sahamnya. Tetapi lebih kerana sebab-sebab yang tertentu, kerana kita masih ingat lagi dalam bulan Mac dahulu kerajaan membuat ruling, Bank Negara kata 30% tidak boleh kepada sektor hartanah, 20% tidak boleh sektor saham, lepas itu kita benarkan pula short selling, dengan izin, selepas itu kita benarkan pula share landing, selepas itu ada pula index trading dan sebagainya, selepas itu nilai Ringgit kita pula turun. Jadi, ini dicampur-campur begitu, sebab berlakunya keadaan penurunan harga saham pada masa sekarang. Kita jangan panic, kita telah pun memperkenalkan satu akta, seolah-olah kita membenarkan pula perkara-perkara saya bimbang yang akan mengakibatkan

banyak lagi implikasi-implikasi lain kepada sistem kewangan negara kita. Cuma apa yang saya harapkan ialah di dalam keadaan ini pihak kerajaan akan berfikir dengan sedalam-dalamnya sebelum melaksanakan ataupun menggunakan Akta Syarikat ini mengizinkan syarikat-syarikat untuk menggunakan kewangannya, umpamanya dengan limitkan, hadkan hanya syarikat-syarikat tertentu sahaja yang boleh menggunakan kewangan untuk membeli balik saham syarikatnya ataupun mengehendkan masa. Umpamanya kalau di Australia dibenarkan tidak lebih daripada masa tiga tahun. Satu kebenaran itu tidak lebih masa daripada tiga tahun boleh digunakan kewangan itu untuk membeli balik saham syarikat itu. Ataupun di UK umpamanya tidak lebih daripada satu setengah tahun.

Kalau dibenarkan secara sewenang-wenangnya, saya percaya selagi kita berdampingan kita berurusan dengan manusia, saya rasa dia akan tetap disalahgunakan dan banyak loopholnya, seolah-olah kita mengizinkan insider trading. Mungkin pengarah-pengarah syarikat yang tahu kerana dia akan membeli balik saham-saham syarikat itu menggunakan kewangannya dengan sengaja, umpamanya dengan bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu supaya 'dampent'kan harganya, turunkan harganya dahulu dan dia pun beli, selepas itu dia guna balik duit syarikat untuk membeli balik saham itu. Banyak cara yang bolehlah. Saya tengok kalau dalam pindaan yang ada ini saya nampak betul banyak cara boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak suci hati. Kalau semua orang suci hati, kalau semuanya orang macam malaikat boleh dilaksanakan rang undang-undang ini. Tetapi saya percaya manusia tetap

manusia ada perasaan tamak, ada perasaan inginkan keuntungan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan kata-kata itu, saya memberi cuotion ataupun memberikan harapan supaya diperhatikan betul-betul rang undang-undang ini, sebab dalam pada itu saya tetap jugalah menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat

Hasan.

5.22 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya merakamkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah mencadangkan rang undang-undang yang pada hari ini telah sebagaimana diterangkan bersama bertujuan yang sungguh murni untuk membantu permasalahan dana bagi pegangan terus ataupun amanah bagi sebuah syarikat awam. Saya dengan ini - ada Dato' Aziz. Sebenarnya tadi saya bangun lebih awal, tetapi nampaknya Dato' Aziz bangun lebih cepat. Jadi, terima kasihlah kepada Dato' kerana memberi peluang pada hari ini dan Dato' Aziz tadi bercakap falsafahnya, insya-Allah lebih kurang seperti seorang Timbalan Menteri Kewangan Malaysia atua tidak, saya tidak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya sebelum saya pergi seminit-dua ke depan, saya bagi pihak rakan-rakan ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri, Yang Berhormat Dato' S. Subramaniam yang telah dapat mengekalkan jawatannya tanpa bertanding selaku Timbalan Presiden baru-baru ini. [*Tepuk*] Saya agak peka sedikit dengan kumpulan India ini, kerana saya

ada joint venture dengan Persatuan Kontraktor India Malaysia bersama dengan Persatuan Kontraktor Melayu dan bawah usaha Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, kita juga bernaung di bawah satu usahasama tulen di antara masyarakat Cina, Melayu dan India. Tengah hari tadi Dato' Seri S. Samy Vellu selaku Menteri Kerja Raya menjemput seluruh usahawan di negara kita untuk terus bersama ke India mengikut rombongan supaya kita meneroka lebih jauh ke luar tanah air kita untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan tahniah kepada ROC, Pendaftar Syarikat yang telah berubah dari masa ke semasa memperkukuh dan memperkemaskan sistem dan pentadbirannya. Dari dahulu kalau kita melihat, kita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat belajar dari masa ke semasa, terutama sekali syarikat sendirian berhad yang kita nampak, saya tidak tahu berapa jumlahnya. Tetapi hari demi hari kita melihat pemfailan syarikat-syarikat baru bertambah dari masa ke semasa. Ini menunjukkan suasana pembangunan perniagaan dan keusahawanan di negara kita meningkat dari masa ke semasa. Tetapi dalam masa yang sama juga kita melihat ramai di antara pengarah-pengarah syarikat yang tidak mengerti dan faham tentang peranan, tugas dan tanggungjawab selaku pengarah-pengarah syarikat terutamanya yang menjadi pengarah kepada syarikat sendirian berhad.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan kepada Pendaftar Syarikat dan kementerian supaya masa depan usahawan kita terutama sekali usahawan Malaysia yang telah diperkenalkan masalah pembangunan usahawan di negara kita supaya seseorang sebelum ditauliahkan ataupun dibenarkan menjadi

pengarah syarikat, kalau boleh pihak kementerian dan Pendaftar Syarikat mengambil sedikit inisiatif supaya membuat satu peraturan baru supaya syarikat pendaftaran baru kepada individu warganegara Malaysia yang layak supaya menjalani kursus ataupun dikeluarkan satu sijil yang boleh mentauliahkan seseorang warganegara kita menjadi ahli Lembaga Pengarah sesebuah syarikat.

Saya terpaksa bercakap begini adalah kerana kita baru sahaja meluluskan satu rang undang-undang berkenaan dengan Akta Pencegahan Rasuah. Kita lihat banyak sebelum ini ahli-ahli lembaga pengarah syarikat yang tidak faham peranan mereka sebagai ahli lembaga pengarah, tetapi dalam masa yang sama mereka ini menjadi proxy kepada individu tertentu yang mempunyai kuasa ataupun yang ingin menjalankan perniagaan tetapi tidak boleh. Jadi, proxy-proxy yang terdapat sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat yang kita luluskan oleh Pendaftar Syarikat, banyak di antara mereka tidak memahami peranan, tugas dan tanggungjawab. Sebab itulah kita nampak seolah-olah syarikat yang ditubuhkan di negara kita ini ahli lembaga pengarah yang ada kebanyakan daripada mereka tidak faham kepada peranan dan tugas serta tanggungjawab mereka. Sebab itu jugalah dalam akhbar-akhbar kita tengok peranan syarikat-syarikat, setiausaha syarikat, syarikat advertising dan syarikat-syarikat pengurusan banyak menjalankan kursus untuk mendedahkan pengarah-pengarah syarikat....*[seorang Bentara meletak surat di sebelah meja Yang Berhormat]* Bukan untuk saya? Gangguan sedikit.

Sebab itulah kita nampak ada di antara kursus-kursus, seminar dan pendedahan yang dibuat kepada ahli lembaga pengarah yang telah sedia ada menjadi pengarah lembaga syarikat. Walaupun usaha ini agak dijalankan secara tidak menyeluruh, tetapi tidak salah, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab supaya syarikat sendirian berhad ini diurus dengan saksama supaya satu sistem dan pendekatan yang lebih baik dapat dilaksanakan untuk masa depan supaya setiap pengarah yang hendak ditauliahkan ataupun hendak

didaftarkan dalam sesebuah syarikat dapat memenuhi peruntukan-peruntukan yang akan dibentuk ataupun dikerangkakan oleh Pendaftar Syarikat, insya-Allah.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan taraf bumiputera dan taraf usahasama, mungkin perkara ini secara tidak langsung kepada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi ianya ada hubung kait yang rapat dan intim kepada perkara-perkara yang mempunyai hubung kait rapat dengan beberapa kementerian seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan beberapa kementerian lain. Jadi, sebelum ini kita sentiasa bercakap masalah taraf bumiputera dan kita nampak syarikat yang didaftar dengan Pendaftar Syarikat kita dapati seolah-olah taraf yang telah diperakui oleh kementerian agak berbeza peranan mereka. Pendekatan yang dibuat oleh beberapa kementerian berkemungkinan kalau menjadi sebuah syarikat pengangkutan, saya tidak tahu kebetulan Timbalan Menteri Pengangkutan ada, mungkin kita juga kena berdaftar dengan Kementerian Pengangkutan.

Jadi, isu ini adalah isu negara, isu lanjutan daripada Dasar Ekonomi Negara, iaitu Dasar Pembangunan Nasional sekarang ini yang kita perkenalkan, maka masalah taraf bumiputera, taraf usahasama ataupun taraf syarikat luar negara.

Jadi, oleh kerana kita sentiasa bercakap Menteri, Timbalan Menteri, pemimpin-pemimpin NGOs dan juga ketua-ketua jabatan bercakap masalah peranan kebumiputeraan dalam pembangunan usahawan melalui syarikat yang kita daftarkan ini, kita dapati ianya tidak seindah yang kita lihat. Jadi, tidak salah pada hari ini kalau kita sama-sama dapat mencadangkan kepada kementerian melalui Pendaftar Syarikat ini supaya mengkaji semula ataupun Jabatan Perdana Menteri sendiri mengkaji pengertian definisi ataupun kaedah

yang kita harap dapat menterjemahkan hasrat, cita rasa dan dasar yang dikehendaki oleh negara.

Jadi, sebagai contoh, sebuah syarikat yang didaftar dan diluluskan oleh Pendaftar Syarikat apabila mereka menjadi syarikat usahawan menjalankan perniagaan, mereka terpaksa berdaftar dengan Kementerian Kewangan untuk membuat bekalan dan dalam kita mendapat lesen ataupun pendaftaran pembekalan dengan Kementerian Kewangan, kita juga terpaksa mendaftar selaku sebuah syarikat yang bertaraf bumiputera, tetapi dalam masa yang sama apabila kita menjadi kontraktor kerja, kita juga terpaksa mendaftar dengan pusat-pusat khidmat kontraktor ataupun Construction Industry Development Board (CIDB) di bawah Kementerian Kerja Raya dan PKK juga mempunyai taraf bumiputeranya tersendiri dan berkemungkinan dengan agensi dan perbadanan yang lain seperti Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri-negeri juga agensi-agensi seperti Petronas, sebuah perbadanan yang begitu besar, perbadanan yang telah banyak menguruskan dana negara, kita juga terpaksa berdaftar dan syarikat yang telah didaftarkan oleh Pendaftar Syarikat, kemudian kita terpaksa juga mendaftar syarikat kita untuk mendapatkan status sebagai syarikat bertaraf bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, adalah baik pada hari ini, kita mencadangkan supaya sebuah agensi sahaja yang mengeluarkan sijil ataupun pendaftaran yang berkaitan taraf bumiputera, kalau dia seorang pengeluar traktor umpamanya, maka MITI tidak lagi mengeluarkan taraf bumiputeranya, mungkin ada satu agensi yang specialise, yang khusus supaya dapat memberi satu taraf,

kemudian kalau kita berdaftar sebagai pembekal bahan ataupun pembekal komponen yang terpaksa berdaftar kerja kita dengan Kementerian Kewangan, kita juga tertakluk kepada satu status taraf bumiputera yang kita harap kerajaan dapat mengkaji selepas ini supaya keseluruhan pengeluaran sijil ataupun penarafan taraf kepada syarikat-syarikat yang diluluskan oleh Pendaftar Syarikat ini dapat dipertimbangkan sama ada mereka ini bumiputera atau bukan bumiputera ataupun syarikat yang bertaraf usahasama.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah jumlah sebanyak mana up-to date, setakat ini, syarikat sendirian berhad yang telah didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat tetapi kita nampak ada gerakan baru secara proaktif yang telah dilaksanakan oleh Pendaftar Syarikat supaya syarikat-syarikat ini dapat dikembalikan pemulihan mereka dari masa ke semasa.

Saya mencadangkan supaya syarikat sendirian berhad ataupun syarikat berhad yang tidak aktif, yang dormant, yang tidak berjalan sejak sekian lama dan tidak menjalankan perniagaannya supaya dapat dibubarkan tanpa kaedah sekarang ini yang mana pihak ahli lembaga ataupun lembaga pengarah ataupun setiausaha syarikat terpaksa membuat pemfailan supaya syarikat-syarikat mereka ini dibubarkan dan sekiranya mereka tidak memenuhi beberapa tuntutan dan syarat kepada kementerian ataupun Pendaftar Syarikat, mereka ini didenda setengah daripada setengahnya kalau syarikat melebihi daripada sepuluh tahun yang tidak aktif, kawan-kawan saya cerita, saya tidak pernah lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, setengah daripada setengahnya melebihi 30,000, 50,000 dan setengahnya menjangkau ratusan ribu apabila

mereka mempunyai puluhan syarikat sedangkan mereka mendaftar syarikat ini sepuluh tahun yang lalu, tetapi tidak aktif, maka adalah baik pada hari ini sebagai satu penyusunan semula syarikat-syarikat sendirian berhad di bawah Pendaftar Syarikat supaya mengkaji syarikat-syarikat seperti ini tidak payah bayarlah pembubaran, maka kalau boleh kenal pasti syarikat yang dormant, yang tidak aktif, yang tidak menguruskan perniagaan mereka ini tidak menjalankan keusahawanan mereka dapat dibubarkan dan kita boleh up-date ataupun mempertingkatkan kedudukan jumlah syarikat sendirian berhad yang aktif di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan kata-kata itu saya bersama-sama seperti rakan-rakan yang lain menyokong pembentangan rang undang-undang yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

5.35 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana saya juga diberi peluang untuk turut sama membahaskan Akta Syarikat 1965 iaitu akta ini dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun membentangkan akta ini. Bagi saya Akta Syarikat adalah akta yang amat penting untuk kita kaji kerana

Akta Syarikat adalah merupakan pemangkin kepada kepesatan ekonomi negara kita.

Sejarah Akta Syarikat di negara kita bermula pada tahun 1825 dan kita dapati sejak daripada itu beberapa perubahan telah pun dilakukan. Di zaman British beberapa pindaan telah pun dibuat, misalnya pada tahun 1844, 1862, 1929, 1948 dan pelbagai enakmen dan juga akta-akta yang membantu pihak yang menjalankan perniagaan supaya perniagaan dalam negara ini dapat berjalan dan kita amat bersyukur kerana melalui Akta Syarikat 1965, walaupun akta ini jarang-jarang kita perdebatkan, jarang-jarang kita bahaskan tetapi akta inilah sebenarnya yang telah pun dapat membawa pembangunan dan juga dapat meningkatkan ekonomi negara kita.

Kalau kita rujuk kepada sejarah pada 30 Oktober 1963, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Raja Mohar bin Raja Badiozaman, Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri Malaysia telah pun diarah untuk menyediakan dan mempengerusikan satu jawatankuasa untuk mengelolakan Bill baru mengenai Companies Act untuk Malaysia.

Draf ini diedarkan pada orang ramai pada 7 Mac 1974. Saya ingin menyebutkan perkara ini kerana saya ingin menyebutkan ucapan yang telah disebutkan oleh Yang Berbahagia Raja Mohar semasa mula-mula draf Companies Act 1965 ini diumumkan kepada orang ramai iaitu beliau menyatakan semasa menyediakan draf undang-undang jawatankuasa beliau telah pun berpandu kepada dua prinsipal.

Pertama, pelabur-pelabur diberi perlindungan yang mencukupi.

Kedua, tiada tanggungan tak perlu ataupun unnecessary burdens diletakkan kepada peniaga yang jujur dan yang mana peniaga yang jujur ini lebih ramai berbanding daripada bilangan kecil peniaga yang tidak jujur dan menyeleweng.

Walaupun agaknya sukar untuk mengimbangi di antara kedua-dua faktor ini tetapi jawatankuasa berusaha untuk menjaga keseimbangan di antara kedua-dua faktor ini. Jawatankuasa sedar tiada undang-undang yang perfect, dengan izin, dan dengan melengkapkan undang-undang dan peraturan-peraturan baru tidak akan meningkatkan commercial morality dan juga menggalakkan pelaburan sama ada di peringkat tempatan ataupun luar, tetapi jawatankuasa menimbang untuk menampilkan suasana yang sihat untuk pelabur dan dengan izin, sound basics untuk bertindak ke atas perkara-perkara kemungkar dan praktik-praktik yang tidak sihat.

Jawatankuasa juga sentiasa ada kesedaran untuk mewujudkan draf yang memenuhi kehendak Kerajaan Malaysia dan menghasilkan Undang-undang Syarikat yang terbaik dan undang-undang yang setara dengan negara lain. Ini di antara petikan-petikan yang dapat saya rujuk di mana undang-undang Companies Act ini telah kita wujudkan di negara kita.

Saya percaya walau apapun juga pindaan-pindaan yang dilakukan kepada Undang-undang Syarikat, kita harus melihat kepada apa yang telah disebutkan oleh Yang Mulia Pengerusi Jawatankuasa yang membentuk Companies Act ini.

Saya tidak berhajat untuk menghujah kepada akta yang dibentangkan pada petang ini kerana saya kira rakan kita tadi, Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba dan juga Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz telah pun secara panjang lebar dan meminta supaya kerajaan berhati-hati dalam melaksanakan akta ini.

Saya juga sependapat dengan mereka yang mana merujuk kepada penubuhan apa yang disebutkan oleh jawatankuasa awal yang telah pun membentuk Undang-undang Syarikat ini supaya apa jua yang kita lakukan, kita harus mengambil kira kepada perseimbangan kedua-dua faktor iaitu kepentingan pihak pelabur dan menentukan supaya environment perniagaan dapat memberi satu sumbangan yang baik kepada pembangunan syarikat-syarikat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara khusus beberapa perkara di dalam Akta Syarikat 1965. Saya di sini ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada lima perkara yang ingin saya sentuh di sini dan saya akan sentuh perkara ini dengan ringkas sahaja.

Yang pertamanya, saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah pentakrifan kepada 'substantial value' yang ada disebutkan di dalam akta ini ataupun di dalam proses-proses semasa kita menguruskan syarikat-syarikat kerana di dalam usaha kita untuk membuat pembahagian dan pelupusan harta, 'substantial value' ini amat penting kepada syarikat-syarikat untuk menentukan.

Buat masa ini kita tidak ada satu garis panduan yang tepat ataupun tidak ada satu guideline untuk kita menentukan bagaimana 'substantial value' ini

dapat kita perkirakan, sama ada 'substantial value' ini dapat dikirakan daripada tangible asset, dengan izin, total paid up capital ataupun keputusan yang ditentukan oleh pihak pengurusan. Di sini saya berharap melalui perbahasan akta ini pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat memberikan sedikit sebanyak penjelasan kepada kita supaya di dalam kita menentukan value ini, kita mempunyai satu garis panduan yang dapat kita sama-sama ikuti.

Yang keduanya, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat kalau boleh sebutkan nombor berapa mengenai 'substantial value' itu, yang nombor berapa itu?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sebenarnya, saya tidak merujuk kepada perubahan rang undang-undang ini. Tetapi saya bercakap mengenai Akta Syarikat 1965.

Yang keduanya, kita juga di dalam mengendalikan syarikat-syarikat ini, ada sesuatu kekeliruan timbul untuk kita me'interpretate'kan, dengan izin, ataupun untuk kita

Datuk Hashim bin Safin: Mentafsir.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ... mentafsirkan. Terima kasih. Untuk kita mentafsirkan 'substantial shareholding' dengan detailnya, yang mana kita dapati di dalam general instruction atau instruction biasa dinyatakan bahawa minimum percentage yang dipegang oleh shareholder itu 5% menjadikan ia sebagai 'substantial shareholder', tetapi dalam KLSE, dalam

keadaan-keadaan tertentu dinyatakan bahawa 15% adalah merupakan 'substantial shareholder' ataupun 'shareholding'.

Jadi, dalam perkara ini menimbulkan kekeliruan bagi mereka yang terlibat dalam syarikat untuk menentukan yang mana satukah di antara arahan-arahan ini yang terpakai di negara kita ataupun dalam urusan syarikat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, mengenai mesyuarat-mesyuarat, saya difahamkan bahawa mesyuarat-mesyuarat yang akan diadakan oleh pihak syarikat perlu diadakan dinegeri di mana syarikat itu didaftarkan. Saya kira kalau ini benar, arahan ini merupakan arahan yang terpakai adalah merupakan sesuatu yang agak sukar untuk dipenuhi kerana biasanya syarikat-syarikat ini selepas ditubuhkan di sesuatu negeri, memang biasa syarikat ini dipindahmilikkan dan kemungkinan pemilik-pemilik baru syarikat ini tidak berada dalam negeri di mana syarikat itu didaftarkan.

Jadi, dalam soal ini saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah arahan-arahan ini terpakai dan apakah ada kelonggaran dari segi arahan-arahan yang meminta supaya general meeting ataupun mesyuarat-mesyuarat agung diadakan di negeri di mana 'registered office' disebutkan di dalam syarikat berkenaan.

Perkara yang keempat iaitu mengenai arahan daripada ROC. Baru-baru ini kita tahu ada arahan atau ada peraturan baru yang meminta supaya syarikat-syarikat mempamerkan nombor rujukan syarikat masing-masing di dalam urusan-urusan perniagaan dan ada syarikat-syarikat yang mana mereka telah

pun mengadakan ataupun telah pun membuat 'printing' kepada baucer, resit dan sebagainya untuk kegunaan bertahun-tahun. Saya difahamkan juga bahawa ROC tidak membenarkan pihak-pihak tuan punya syarikat menggunakan 'rubber-stamp' kepada baucer-baucer dan juga resit-resit yang telah pun di 'printed' lebih awal. Jadi, dalam soal ini saya berpendapat bahawa pihak kerajaan juga selepas kita melaksanakan sesuatu arahan ataupun pekeliling, harus mempunyai kebijaksanaan dan saya fikir jika menggunakan 'rubber-stamp' tidak ada satu apa kekurangan berbanding dengan terpaksa kita 'print' secara 'printing' kepada mana-mana surat-surat ataupun mana-mana dokumen yang digunakan oleh pihak syarikat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, melalui pembacaan, saya juga dapati bahawa di dalam pembatalan sesuatu mesyuarat, jika mesyuarat itu merupakan mesyuarat agung, pembatalannya diperlukan seratus-peratus daripada pemegang saham untuk menandatangani surat pembatalan, sedangkan dalam 'extra ordinary general meeting, mesyuarat agung luar biasa tidak diperlukan sepenuhnya - kalau saya tidak silap cuma 90% or 95% daripada pemegang-pemegang saham ini perlu menandatangani surat waiver, kalau saya tidak silap pembatalan kepada mesyuarat extra ordinary general meeting.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memohon kepada penjelasan-penjelasan yang disebutkan tadi, saya seperti rakan-rakan yang lain turut sama menyokong akta untuk meminta Akta Syarikat 1965. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. T. Marimuthu.

5.47 ptg.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahas atas rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965. Saya cuma ingin menyentuh atas satu, dua perkara sahaja.

Rang Undang-undang ini akan membolehkan syarikat-syarikat membeli syernya sendiri dan juga memberi bantuan kewangan kepada seseorang untuk membeli syer di dalam syarikat itu, jika dibuat dengan suci hati ataupun 'in good faith' dan untuk kepentingan syarikat. Walaupun tujuan rang undang-undang ini untuk menstabilkan bursa saham, saya bimbang dan khuatir seperti yang telah diutarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan ini bahawa akta ini boleh dianggap sebagai lesen untuk mencari keuntungan luar biasa kepada syarikat atau individu yang dibenarkan membeli syer oleh syarikat itu dan bukan untuk shareholders. Saya fikir bahawa kepentingan shareholders akan diketepikan.

Sebagai contoh, apabila syarikat itu membeli syernya sendiri harga syer itu akan naik. Apabila harga syer itu adalah tinggi, syarikat-syarikat ataupun lembaga pengarah syarikat-syarikat itu boleh menjual syernya dan boleh mendapat keuntungan yang lumayan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kontrol yang dimasukkan dalam akta yang asal itu di mana satu situasi ataupun penyelewengan (abuse) seperti ini tidak berlaku. Saya ingin tahu bagaimana akta ini akan memberi faedah ataupun keuntungan kepada shareholders dan bukan kepada syarikat itu sahaja.

Satu perkataan yang digunakan dalam huraian rang undang-undang ini adalah "suci hati" (good faith) seperti yang telah dijelaskan oleh Yang

Berhormat Datuk Rahim Baba iaitu apakah maksudnya 'good faith'? Berdasarkan pengalaman kita mengenai beberapa syarikat dalam bursa saham kita menunjukkan bahawa "good faith" adalah rendah dan adalah kurang. Beberapa masalah seperti 'insider trading', 'manipulation of the market', 'short selling' telah berlaku beberapa kali. Saya ingin tahu bagaimana akta ini akan mengurangkan perlakuan masalah-masalah seperti ini?

Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa pembelian syernya sendiri oleh syarikat-syarikat berlaku di beberapa negara seperti Australia, Amerika Syarikat dan sebagainya tetapi apakah pengalaman mereka mengenai perkara-perkara ini? Saya harap kita boleh belajar daripada pengalaman mereka. Saya harap kementerian berkenaan sedar dan peka mengenai penyelewengan yang mungkin berlaku apabila Akta Syarikat ini dipinda. Saya juga meminta kementerian berkenaan supaya jangan bergantung kepada 'good faith' tetapi memasukkan beberapa fasal yang akan mengurangkan penyelewengan-penyelewengan dan membina satu bursa saham yang sihat dan stabil.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kamilia.

5.51 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang

pindaan kepada Akta Syarikat 1965 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini adalah satu pindaan yang dinamik, wajar dan tepat pada waktu yang kita melihat jumlah perdagangan syer-syer di bursa saham yang meningkat dan apa yang kita tahu pada 30 April 1997, ada 641 buah syarikat yang telah disenaraikan di KLSE - di main board dan juga di second board, dengan izin. Kita dapat melihat bahawa perniagaan pertukaran saham berlaku dan terus dijalankan dan kita juga tahu keadaan pasaran saham juga agak lembab dan sangat tidak menggalakkan. Tentu sekali kerajaan juga perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk dapat kita sama-sama menstabilkan harga dan seterusnya mewujudkan suasana pasaran saham yang lebih sihat di negara ini.

Walau bagaimanapun, kita perlu berhati-hati dalam satu-satu tindakan yang kita ambil kerana dengan pindaan Akta Syarikat ini kita akan mewujudkan satu suasana yang mungkin akan menimbulkan penyalahgunaan kuasa terutamanya sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan sebelum saya berucap tadi iaitu insider trading, dengan izin, dan juga tentu sekali kita perlu sekali melihat kepada implikasinya kepada peruntukan-peruntukan di dalam Securities Industries Act 1983, Securities Commission Act 1993 dan juga SC Guidelines on Issue of the Securities dan juga KLSE Listing Inquirement yang pastinya akan memberi implikasi kepada pindaan ini.

Walau bagaimanapun, kita juga tahu bahawa pindaan ini tentu sekali akan memberi beberapa manfaat kepada 'restructuring exercise' kepada

syarikat-syarikat terutamanya untuk memastikan 'surplus funds' yang akan diberi kepada shareholders, juga 'flexibility' dalam 'capital structure' dan juga mungkin antara lain menambahkan atau memperbaiki keadaan 'earning per share' dalam sesebuah syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara mungkin perlu diambil kira oleh pihak kementerian dalam pelaksanaan rang undang-undang ini. Tentu sekali seperti dalam rang undang-undang yang lain dalam pelaksanaannya, peraturan-peraturan akan menyusuli rang undang-undang yang akan menjadi undang-undang nanti.

Pertamanya ialah pindaan ini tidak menyebut jumlah sekatan bagi syarikat-syarikat yang mahu membeli balik saham-saham. Adakah ini bermakna bahawa pembelian saham itu akan melibatkan semua modal yang ada dan adakah ini juga bermakna bahawa pihak syarikat tidak mempunyai apa-apa sekatan bagi jumlah saham yang akan dibeli daripada jumlah kapital yang ada dalam sesebuah syarikat itu. Di United Kingdom contohnya, ada sekatan yang diberi iaitu '10% of the issued and paid up capital of the company' dalam sesuatu tahun dan juga memerlukan kelulusan daripada pihak pemegang saham. Jadi, mungkin pihak kementerian boleh menerangkan sama ada sekatan penggunaan 'share capital' ini bagi pembelian saham akan diwujudkan ataupun tidak kerana jikalau tidak ianya mungkin akan menimbulkan masalah kepada sesebuah syarikat yang nanti akan menggunakan kuasanya dalam peruntukan pindaan rang undang-undang ini.

Yang keduanya ialah mengikut Fasal 2 daripada rang undang-undang ini yang menyebut tentang membolehkan sesebuah syarikat itu selain daripada, dengan izin, “*shall not purchase its own shares, or give financial assistance to a person for purchasing its shares under this section...*”, dengan syarat-syarat yang disebutkan tadi juga tidak mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu yang ini boleh juga melanggar peraturan-peraturan di bawah Securities Industries Act 1983 dan juga SC Guidelines, dengan izin, yang meliputi tentang ‘insider trading’. Jadi, ini mungkin membolehkan pengarah syarikat untuk meminjamkan wang syarikat kepada pihak ketiga untuk membeli saham-saham bagi kepentingan dalam sesuatu ‘insider information’ dan ini juga akan merupakan satu kesalahan. Jadi, ini adalah satu perkara yang mungkin juga pihak kementerian mempunyai penjelasan bagi peruntukan ini.

Yang ketiganya dalam Fasal 2 cerai (a) ialah tentang solvency, dengan izin. ‘The solvency’ juga di sini merupakan satu tanda tanya setakat manakah dikatakan sebuah syarikat itu merupakan syarikat yang solvent kerana mungkin sesebuah syarikat itu masih dikatakan solvent, dengan izin, tetapi keseluruhan capitalnya telah dibayar ataupun habis oleh kerana kerugian-kerugian tertentu. Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan perkataan ‘solvent’ di sini yang merupakan salah satu daripada syarat yang membolehkan sesebuah syarikat itu membeli sahamnya.

Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah Fasal 3 dan 4 yang juga menyatakan bahawa sesebuah syarikat itu boleh memindahkan “to the capital redemption reserve the amount equivalent to the capital cancelled, dengan izin

sebab Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin betul yang rang undang-undang ini telah dibuat dengan begitu cepat ataupun 'in haste' kerana tidak sempat hendak diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Jadi, di sini juga kita menanyakan sama ada 'if the company does not have sufficient other reserve that can be drawn.....' - sepatutnya semasa itu juga tidak ada 'transfer to the capital redemption reserve'.

Jadi pelbagai persoalan timbul kerana ini akan menjejaskan prestasi sesebuah syarikat itu kerana di sini kita tidak mempunyai definisi-definisi yang lebih lengkap dan tepat. Apa yang saya difahamkan wujudnya amendment ataupun pindaan ataupun peruntukan yang serupa di United Kingdom, ianya lebih terperinci dan lebih panjang daripada apa yang kita ada - hanya merupakan satu seksyen sahaja dalam pindaan sebab sebagaimana yang telah dikatakan oleh rakan-rakan yang lain bahawa kita sangat perlu berhati-hati dalam kita menggunakan peruntukan pindaan yang telah dikemukakan ini.

Kita perlu juga memastikan bahawa ada peraturan-peraturan yang lebih terperinci untuk menerangkan perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi dan seterusnya juga dapat memastikan bahawa penggunaan wang syarikat itu dapat dijaga dengan lebih rapi.

Untuk maksud tersebut saya ingin mencadangkan pihak kementerian mengadakan dialog dan juga perbincangan dengan persatuan-persatuan yang terlibat dalam saham dan juga syarikat. Contohnya, Federation of Public Listed Companies, Malaysian Investors Association, Association of Merchant Bankers dan pelbagai lagi yang dalam sektor swasta dan sektor awam yang

saya percaya kementerian juga ada mempunyai senarainya. Jadi, kita haraplah dengan adanya pindaan ini maksud dan tujuan baik kementerian akan tercapai tanpa mengorbankan nilai-nilai dan mengorbankan kepentingan pemegang saham dan juga sipemiutang bagi syarikat-syarikat yang terlibat.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang telah dikemukakan. Terima kasih.

6.01 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahas berkenaan dengan pindaan undang-undang ini, iaitu suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 yang diberi nama Akta Syarikat (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlasnya saya menyatakan bahawa pihak kerajaan masih lagi tidak peka tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan. Saya bukanlah seorang ekstrimis, tetapi seorang yang berpegang kepada Perlembagaan. Kita sekarang ini sudah merdeka 40 tahun dan banyak akta yang telah dapat kita terjemahkan dalam Bahasa Kebangsaan, tetapi malangnya akta ini dibuat di dalam bahasa Inggeris. Saya tidak pasti sama ada akta ini dibuat dalam keadaan tergesa-gesa. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan dalam Huraian iaitu, *'Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 67A ke dalam akta untuk membolehkan syarikat membeli syernya sendiri dan juga memberi bantuan kewangan kepada seseorang untuk membeli syer di dalam syarikat itu jika ia*

dibuat dengan suci hati dan untuk kepentingan syarikat. Ia adalah bertujuan untuk menstabilkan bekalan dan permintaan serta harga bagi syer-syer syarikat itu di Bursa Saham dan seterusnya mewujudkan suasana pasaran saham yang sihat di negara ini.'

Tuan Yang di-Pertua, saya masih boleh mempertikaikan dari segi akta ini dibawa di dalam Dewan yang mulia ini sama ada ianya mampu untuk menjaga kepentingan ekonomi negara kita, mampu untuk menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham di dalam syarikat-syarikat, mampu untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur runcit dan pelabur-pelabur individu dan mampu untuk mengelak daripada spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa akta ini adalah digubal dengan berpandukan kepada akta yang telah diluluskan di Amerika Syarikat, di England dan juga di Australia. Tetapi kita harus mengambil bandingan ekonomi di negara-negara ini dengan tahap syarikat-syarikat dan juga pemikiran pelabur-pelabur yang ada di negara-negara itu sedangkan sekarang ini kita dapati mata wang kita turut terjejas dengan begitu teruk sekali dan kita menyalahkan pihak-pihak individu daripada negara Barat seperti George Soros yang telah menggunakan dananya untuk menggugat kedudukan mata wang kita. Tetapi kita sering mendengar pemimpin-pemimpin kita, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga pakar-pakar ekonomi menyebutkan kedudukan ekonomi negara kita adalah stabil dan begitu juga kedudukan asas syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah kukuh.

Tetapi dalam keadaan yang sama, kita dapati keadaan pasaran masih lagi tidak terkawal, turun naiknya meragukan pelabur-pelabur, apa lagi pelabur-pelabur daripada luar malah pelabur-pelabur tempatan, seperti pelabur-pelabur individu runcit pun mereka masih takut untuk hendak memasuki pasaran, lainlah dengan pihak-pihak yang menggunakan dana pihak bank yang membuat keuntungan yang sudah tentu pihak-pihak yang menjadikan bursa saham sebagai kasino mereka untuk mencari keuntungan dengan serta-merta, tentulah mereka lebih faham dengan prosedur ini. Tetapi bagi pelabur-pelabur individu, orang-orang biasa sudah tentu keadaan ini boleh menimbulkan keraguan bagi pihak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak akta ini kalau kerajaan kurang kemampuan, kalau kerajaan tidak memberi perhatian yang serius untuk mengawasi dan menguatkuasakannya, sudah tentu akan jadi satu spekulasi yang akan boleh menjejaskan lagi pasaran saham yang ada sekarang ini. Pada satu masa dahulu kita tidak membenarkan insider trading, dengan izin, iaitu jual beli dalaman yang berlaku itu, kerana mereka boleh menjejaskan pasaran saham. Tetapi saya bimbang dengan adanya akta ini, maka keadaan jual beli saham dalaman ini akan wujud semula dan ini secara tidak langsung membenarkan urusan itu dan mereka yang ingin mengambil kesempatan untuk membuat keuntungan segera akan menggunakan kesempatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat pandangan kerajaan sama ada akta ini lebih sesuai bagi kerajaan mewujudkan suatu dana tebusguna saham daripada membenarkan satu-satu syarikat itu yang boleh menggunakan

wang rizabnya ataupun modal syarikatnya untuk membeli saham-saham yang dijual dalam pasaran terbuka, kita bimbang dia akan menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang saham, dia akan menjejaskan kedudukan kewangan syarikat itu sendiri dan sudah tentu kita tidak boleh kawal lembaga pengarah yang mempunyai kepentingan tertentu menggunakan kesempatan itu untuk menggunakan keadaan. Ini boleh berlaku. Oleh sebab itu, adalah difikirkan lebih sesuai kerajaan menubuhkan satu dana di mana disyaratkan syarikat-syarikat ini memotong sekian-sekian peratus daripada keuntungan dan disumbangkan kepada dana itu di mana apabila timbul keadaan seperti ini, maka boleh gunakan dana ini untuk menebusguna saham-saham yang dijual begitu banyak di pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan kerugian yang dialami oleh Bursa Saham Kuala Lumpur yang disebut RM250 bilion. Kita telah sebut bahawa kedudukan ekonomi kita stabil, kukuh, syarikat-syarikat mempunyai asas yang cukup kuat, kita buat bangunan yang begitu indah, hebat, bangunan baru pasaran saham. Tetapi apabila diumumkan kerugian RM250 bilion, ini sedikit sebanyak sudah memberi kesan kepada rizab kita, kepada mata wang kita. Saya yakin ini juga akan memberi satu gambaran kepada rakyat seolah-olah ada pihak-pihak tertentu yang kita tidak tahu kedudukan kewangan mereka, mungkin mereka ini masuk dalam golongan jutawan, billionaire dan sebagainya. Mungkin orang-orang inilah mengambil kesempatan menyebabkan rugi begitu banyak, keadaan ekonomi mereka masih stabil tetapi kesannya pergi kepada kedudukan ekonomi seluruh negara yang

melibatkan orang-orang biasa. Inilah yang saya sebutkan tadi apa maknanya kita ada akta sedangkan perkara-perkara yang berlaku kebelakangan ini dan mungkin yang akan berlaku pula yang tidak difahami oleh rakyat biasa boleh menjejaskan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rang undang-undang ini sepatutnya dibahas dengan teliti oleh semua Ahli Yang Berhormat, sebab ianya bukan satu rang undang-undang yang mempunyai implikasi yang kecil kepada ekonomi dan kepentingan dari segi sektor kewangan. Oleh itu, masa yang kita ada untuk membahas pada hari ini agaknya begitu terhad sekali dan mungkin kita tidak sempat hendak buat kajian dengan lebih teliti. Kita berharap pihak kerajaan dapat membawa satu akta yang seperti ini, beri masa yang secukupnya, beri peluang kepada kita untuk membahas dalam keadaan yang agak selesa. Ini pada hari yang akhir, masa yang agak suntuk dan mungkin semua pihak sudah tunggu masa hendak tamatkan persidangan untuk balik awal, sedangkan perkara yang penting yang akan memberi kesan kepada ekonomi negara kita, kita tidak dapat memberi perhatian yang serius.

Jadi, dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dengan harapan rang undang-undang ini akan memberi suatu perlindungan kepada kepentingan ekonomi negara kita dan pihak-pihak yang terlibat dengan syarikat-syarikat itu. Sekian, terima kasih.

6.12 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bila mendengar Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar kata tadi

masa pun suntuk, tergesa-tergesa, kalau boleh ada rakan-rakan lagi yang ingin membahaskan, saya sanggup menunggu walaupun sampai tengah malam kerana akta ini saya rasakan amat penting. Walaupun hanya satu muka, dua muka, nampak sedikit, tetapi bila saya kaji balik, saya bukanlah ahli ekonomi yang bijak pandai, akan tetapi saya berkhidmat dalam korporat selama 15 tahun, saya rasakan perkara ini akan berlaku nanti tetapi kita harap perkara itu tidak sehebatnya.

Dahulu kita memang larang insider trading dan sekarang apabila kita takut pasaran saham kita turun, kita beri pula insider trading. Apabila kebenaran ini berlaku, saya rasa tidak ada daya kita menyekatnya nanti, kecuali kita serta-merta menimbang balik supaya akta ini dimansuhkan pada masa akan datang. Tetapi saya berharap sungguhpun kami memberi sokongan kepada akta ini supaya kementerian berhati-hati dan kalau boleh kita beri masa percubaan sama ada tiga bulan atau enam bulan. Kalau sekiranya terdapat insider trading ini berlebihan, kita berhentikan dan kita perhatikan apa yang harus kita buat akan datang.

Kalau kita beri kuasa kepada pengarah syarikat boleh membeli saham dengan menggunakan fund di dalam syarikat yang berkenaan, akan menjadilah dengan warrant, dengan loan. Sekarang kita lihat jelas dalam akhbar, 39 pinjaman dilakukan melalui loan dan warrant melibatkan beratus-ratus juta ringgit, bukan sedikit dan besok kalau tidak cukup, duit lagi untuk membiayai insider trading, dengan izin, atau untuk membeli saham ini secara sendiri, buat pinjaman lagi, buat warrant lagi, minta kepada kementerian, buat kertas kerja,

warrant RM200 juta, RM300 juta, beri ahli-ahli lembaga pengarah, pinjam, beli saham dalam, apa susah, undang-undang ada, undang-undang ini mengizinkan. Kita tidak boleh mengheret mereka ke mahkamah.

Saya berharap pihak kementerian cuba jangan kita implemenkan selama-lama, kita cuba lihat apa yang akan berlaku. Saya percaya kalau kita lepaskan sahaja undang-undang ini pada hari ini atau selepas sahaja Yang di-Pertuan Agong tandatangan, ibaratkan kambing dilepaskan daripada kandang, berderu-deru keluar. Tentu ramai, apa susah, undang-undang sudah membenarkan. Kita lihat sahaja sekarang 39 warrant dengan loan yang kita keluarkan, hampir RM1 bilion. Ditakdirkanlah ekonomi kita bertambah teruk lagi, bagaimana kita mengatasi masalah ini?

Tadi sahabat kita Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar kata lebih RM250 bilion kerugian yang dialami oleh pasaran saham. Saya amat setuju, ini sedikit sebanyak menggugat ekonomi kita kerana saya percaya dari sektor harta tanah kita lihat daripada sekarang, kalau siapa hendak beli rumah murah, lagi 12 bulan harga rumah akan turun, kerana kebanyakan yang bermain saham ini dia meminjam wang daripada institusi kewangan, bank dan sebagainya. Sekarang bank sudah mula bergerak untuk mengambil balik wang yang dipinjamkan untuk membeli saham. Dalam tempoh dua minggu dia menghantar surat, dia akan hantar surat lawyer. Pihak peguam hantar surat, dalam masa dua minggu tidak balas, dia hantar pula saman, masuk mahkamah.

Dalam tujuh-lapan bulan proses mahkamah, jatuh hukum, barang lelong, rumah lelong dan sebagainya, percaya. Dalam masa 12 bulan, kita boleh lihat bagaimana harga tanah akan turun semacam tahun 1986 dan 1987, harga rumah RM170,000 hendak jual RM120,000 pun tidak laku. Ada yang perjanjian telah

ditandatangani pun orang tidak membeli, tidak ada kemampuan untuk beli rumah kerana bank juga pada masa itu akan mengetatkan syarat-syarat untuk membeli rumah. Macam harga rumah yang paras RM100,000 ke bawah hanya diberi kebenaran untuk meminjam. Kalau RM101,000 ke atas tidak dibenarkan. Ada syarat-syarat yang terlalu ketat. Jadi, hartanah akan menjunam. Hartanah juga melibatkan pasaran-pasaran kita, kerana banyak di dalam ruang property sendiri, dengan izin, lebih kurang 15-20 syarikat yang melibatkan diri dalam pembangunan tanah secara khusus. Ini akan terlibat. Kalau tidak percaya, kita akan melihat sekarang dari segi hartanah atau perumahan ini harganya agak menurun.

Saya tidak tahu keseluruhannya, tetapi saya melihat ada beberapa tempat menurun sekadar 5%. Ini akan menjunam lagi apabila yang dikatakan oleh sahabat saya tadi RM250 bilion, tetapi yang sebenarnya saya rasa RM285 bilion yang dicatatkan dalam akhbar. Katakanlah 27.5% daripada RM285 bilion ini dimiliki oleh fund manager dari luar negara, bakinya 25%, maknanya, kita bahagi dengan empat, maknanya hampir RM80 bilion yang dimiliki secara kecil-kecilan dalam negara kita. Ada perumpamaan atau kiasan kata ‘terbakar tangan’. Ramailah rakyat Malaysia pada masa sekarang saya percaya terbakar tangan. Kita lihat sahaja amat sedih Kewangan Usaha Bersatu (KUB) pada nilai yang baru ini disebut oleh akhbar RM4.10. Tetapi hari ini diniagakan RM2.20. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita amat sedihlah apabila kita senarai syarikat kita, kita lihat harganya cuma dapat premiumnya saya rasa 40 sen bernilai RM1.80. sepatutnya KUB, apabila kita pasarkan RM8.00 lebih.

Tetapi kerana tekanan ekonomi dalam kita sendiri, bukan kita kata industri dalam negara kita tidak membangun, bukan kata kita tidak mantap dalam usaha industri kita. Akan tetapi pada jangka dalam pasaran saham kita merosot. Dan tanggungjawab kita sebagai piutang kita kena tahu, kita kena bayar, bukan percuma bank beri duit. Kalau satu orang pinjam RM300,000 itu masalah dia sendiri, kecuali dia pinjam seorang RM3 bilion, RM4 bilion, itu masalah bank. Tetapi kebanyakan pembeli-pembeli saham kecil ini adalah golongan yang pendapatannya pun kecil, pinjamannya pun kecil, tetapi apabila dia rugi dia menderita, rumah dia terlelong dan sebagainya.

Saya rasa remiser juga terlibat, kerana tahun 1987 ada remiser sampai jual rumah. Pernah ada hendak masuk penjara pun ada tahun 1987. Dua-tiga orang kawan-kawan saya sebagai remiser, daripada dua-tiga rumah tinggal satu, daripada satu rumah langsung tidak ada rumah, habis. Daripada pakai kereta, berjalan kaki dan tidak boleh pun hendak naik bas duit tidak berapa cukup. Itulah nasibnya apabila pasaran saham merosot. Ini ada kaitan dengan akta yang kita pinda, memang ada kaitan pasarannya, jelas. Kerana ini hanya tertakluk kepada syarikat berhad, bukan sendirian berhad. Saya suka kalau boleh syarikat sendirian berhad, kerana ahli-ahli dalam Dewan ini banyak yang memiliki syarikat sendirian berhad, kerana mereka boleh buat insider trading. Tetapi tidak dibenarkan oleh kementerian. Kalau boleh timbangkan lagi baik saya rasa, sendirian berhad juga ada insider trading. Jadi, saya boleh pinjam wang di bank, saya masukkan saham atas nama saya, tetapi pinjaman syarikat

yang bayar, bukan saya yang bayar, lagi bagus. Tetapi tidak dibenarkan untuk sendirian berhad.

Saya rasa Yang Berhormat Tuan Marimuthu pun ada sendirian berhad. Jadi, boleh pinjam dengan bank, tetapi dalam undang-undang tidak boleh, jangan buat, salah. Sepatutnya saya rasa kalau hendakkan saksama undang-undang ini, kita beri sendirian berhad sekali. Jangan ada perbezaan atau double standard, dengan izin. Biar sendirian berhad juga merasa inside trading ini lebih lumayan, apa salah untuk dapatkan itu pinjaman daripada bank. Duit itu syarikat yang bayar, saham itu hakmilik kita sendiri. Ini alangkah lebih baik, tetapi ini tercatat sahaja kerana ia mempunyai alasan bahawa harga saham itu dinilai dalam pasaran saham dan pembelian harus dibeli melalui Stock Exchange atau Pasaran Saham.

Jadi, saya rasa kita tidak seharusnya terburu-buru meminda undang-undang ini, kerana implikasinya saya rasa, dengan ikhlas saya katakan kepada Dewan ini kita akan lihat nanti implikasinya amat berat, walaupun pada sekarang kementerian mesti beri jawab kata kita sudah kaji, tidak akan seteruk yang mana Yang Berhormat anggap. Akan tetapi perkara ini saya rasa kita tidak dapat elakkan. Begitu juga saya tidak puas hati dengan denda, penalti, dengan izin, RM100,000 sedikit sangat. Kita pernah mendenda seorang tokoh di dalam clearing-house RM5 juta, saya sudah lupa. Tetapi ini RM100,000 dan penjara dia lima tahun sahaja. Ini sangat mudah saya rasa. Banyak jutawan yang sanggup masuk penjara lima tahun, dia keluar jadi jutawan. Apa gaduh dalam undang-undang selepas dipenjara, walaupun penjenayah dia boleh pakai

Mercedes, dia boleh beli rumah batu, banglo besar-besar. Selepas itu dia boleh duduk first class atau ekonomi kelas dalam penerbangan, tidak ada sekatan.

Saya rasa kalau boleh lain kali kita perlu buat pindaan, naikkan 15 tahun, rotan 15 kali, denda RM5 juta, tidak hendak dia buat. Kalau kita kata kena rotan, orang takut, Tuan Yang di-Pertua. Kerana saya dari kecil ibu dan datuk saya rotan, saya rasa sakit sampai sekarang kerana terkenang kena rotan. Jadi, saya rasa dengan adanya penalti kenakan rotan, saya rasa lebih baik. Tetapi ini cuma dua, walau apa pun kesalahannya, saya rasa walaupun kesalahannya agak ringan sedikit, akan tetapi saya rasa orang-orang korporat ini perlu juga disedarkan atau diberi ingatan supaya tidak semudah-mudahnya melakukan kesilapan, kerana penalti yang menunggu adalah hebat dan berat. Jadi, dengan adanya penalti yang berat itu saya rasa mereka takut. Tetapi kalau penaltinya ringan macam RM100,000 ini, saya rasa apa gaduh, esok pagi kena, seminggu selepas itu masuk mahkamah, seorang bawa RM100,000 cukuplah. Tetapi kalau dengan berat itu dia perlu hendak gadai semua harta dia, saya rasa dia kena timbang dua kalilah, bukan sekali.

Jadi, saya rasa pindaan yang akan datang harus ambil titikberatkan tentang penalti ini dan beberapa cara yang lebih sesuai untuk kita mengawal atau untuk mengkaji implikasinya dengan lebih teliti. Itu tadi saya amat risau sangatlah akta ini akan dipergunakan oleh tokoh-tokoh korporat. Tokoh korporat ini Ahli-ahli Yang Berhormat lebih tahulah, bukan alang-alang orang yang duduk dalam itu. Bukan semuanya baik, kadang-kadang penyangak besar pun ada, minta maaf. Itu yang banyak masuk penjara, itu golongan daripada

kategori penyangak, Tuan Yang di-Pertua. Dalam golongan itu ada jenis-jenis yang macam ini, ini yang kita takut. Yang ikhlas hendak berniaga kita tidak takut, biarlah dia berniaga. Datuk Rahim Baba pun berniaga, tetapi dia berniaga secara bagus, cara sistem. Saya percaya dia tidak buat inside trading, dia beli saham dengan duitnya sendiri. Tadi dia sudah beritahu saya, dia tidak akan buat, kerana dia tidak setuju inside trading. Jadi, insya-Allah, kerana keikhlasan ini adalah perlu untuk membangunkan ekonomi negara. Kalau banyak sangat yang jenis - kita tidak mahu bukalah seluar dalam ahli korporat ini. Kalau kita bukakan, boleh katakan kita telanjangkan dia, tidak elok sangatlah. Kerana akibatnya esok kita pula dicap inilah Ahli Dewan Negara baru dapat sedikit boleh bercakap bantai kita, hentam kita lagi lalu, sampai tak cukup masa kita hendak bercakap. Jadi, itulah pada petang ini saya rasa saya menyokong akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Zuki.

6.27 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang bertujuan untuk meminda Akta Syarikat 1965. Tetapi malangnya pindaan ini hanyalah 67A sahaja. Berkenaan dengan membenarkan syarikat sendiri membeli sahamnya ataupun memberi bantuan kewangan kepada seseorang itu termasuk ahli pengarahnya untuk membeli saham syarikat itu. Saya tidak tahu mengapa kita bawa pindaan ini. Adakah pindaan ini dibawa dalam keadaan

untuk menstabilkan bekalan dan permintaan saham-saham di syarikat? Adakah masa ini tepat untuk berbuat demikian? Adakah kita tahu sebab-sebab mengapa saham jatuh, nilai duit kita jatuh, adakah ini boleh memberi kesan untuk menyokong keadaan ekonomi termasuk saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada hari ini sahaja Composite Index (CI) dengan izin, telah turun kepada tahap yang rendah, 880 mata pukul 5.00 tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya keluar untuk mengetahui keadaan, 30 point, dengan izin, telah pun turun. Apakah yang menyebabkan ini. Banyak faktor yang menyebabkan. Satu yang kita ketahui berkenaan dengan nilai Ringgit kita jatuh. Adakah nilai Ringgit ini jatuh disebabkan spekulasi sahaja? Adakah spekulasi sepertimana yang disebutkan oleh sahabat saya tadi oleh George Soros yang membuat RM1 bilion keuntungan. Mengapa terjadi ke negara-negara ASEAN, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura dan Malaysia. Sekarang ini pelaburan-pelaburan untuk membeli saham telah berpindah dari negara kita ke Hong Kong, telah berpindah dari negara kita ke Indonesia, telah berpindah ke Latin Amerika, telah berpindah ke Eropah. Mengapa perkara ini berlaku? Adakah kerajaan sedang menimbangkan dan mencari jalan untuk mengatasi ini. Memang kerajaan sedang menjalankan cara-cara bagaimana hendak mengatasi masalah ini.

Satu daripadanya kita telah pun mengetahui dari ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri/Menteri Kewangan iaitu pada Budget

tahun depan kita akan mengurangkan import dan akan banyakkkan eksport supaya, dengan izin, balance of payment kita tidak menurun.

Baru-baru ini, Bank Negara telah pun mengisytiharkan untuk mengetatkan pinjaman dari segi membeli hartanah dan ini akan menjejaskan kewangan syarikat-syarikat bank, sebab mereka tidak akan dapat memberi pinjaman. Apabila kita beri pinjaman yang lebih, kita takut nanti banyak sangat bangunan-bangunan yang harganya tinggi, yang akan menjejaskan ekonomi kita. Baru-baru ini juga dari segi pembelian saham telah pun turun kepada T5.

Tuan Yang di-Pertua, T5 ini maknanya 'trading days campur lima hari'. Kalau kita beli hari Isnin, dia tidak kira, dia kira hari Selasa, Rabu, Khamis, Jumaat, Isnin - lima hari. Dahulu T7. Saya pernah berucap mengapa tidak bawakan T1 macam Hong Kong tidak ada T langsung, tidak ada trading, beli besok bayar. Ini menjejaskan pasaran saham kita. Berkenaan dengan eksport kita, telah menurun, import kita banyak telah bertambah. Dalam negara kita ini, 55% terdiri daripada umur antara 15 tahun ke 60 tahun.

Jadi, ini memberi makna bahawa ramai penduduk-penduduk di Malaysia ini tegolong daripada banyaknya hendak membeli barang-barang makan, dengan izin, consumers food.

Jadi, kalau kita banyak membeli barang-barang makanan, sudah tentu kita akan import banyak lagi barang-barang makanan, jikalau kita tidak bersedia dengan petani-petaninya mengeluarkan banyak lagi beras,

mengeluarkan banyak lagi sayur-sayuran, daging, ikan. Jadi, kalaulah perkara ini tidak diambil kira, ini akan menjejaskan keadaan ekonomi kita.

Berkenaan dengan pasaran saham, ia akan menjadi rendah hingga sampai bulan November ataupun Disember. Dalam bulan Ogos ini pula akan menjadi lemah juga disebabkan stock broking, dengan izin, firm banyak kepada pembeli-pembeli saham, remiser akan pergi bercuti dalam bulan Summer ini, dengan izin. Ini akan menjejaskan lagi pasaran saham kita.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Simpanan Nasional Malaysia, Forex, reservenya daripada Mei telah pun berkurangan daripada RM72 bilion ke RM69 bilion. Ini adalah sebab hendak mempertahankan keadaan wang ringgit kita. Malaysian Forex kita ataupun foreign exchange mengikut US dalam bulan Mei daripada US\$27.7 bilion. Ini akan membolehkan kita untuk mengimport barang-barang selama empat bulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, masalahnya kepada saya bukanlah sangat untuk meminda akta ini, kemungkinan ia akan membantu. Tetapi semasa saya belajar undang-undang dahulu, saya diingatkan setiap syarikat tidak boleh menjual sahamnya kepada ahlinya dan tidak boleh meminjam duit kepada syarikat untuk hendak membeli saham khususnya ahli lembaga pengarahnya. Tetapi sekarang ini kita hendak berubah pula. Ini akan memberi implikasi yang banyak, sepertimana kata sahabat-sahabat saya tadi, bagaimana kita hendak tahu dengan suci hatinya, dengan izin, in good faith hendak membeli, siapa yang hendak menyelaraskan. Betul! Kita akan mendaftar dengan ROAC dan kita beli saham di pasaran saham yang ada ternyata dalam senarai Bursa

Saham Kuala Lumpur, tetapi dalam keadaan sekarang ini, syarikat-syarikat yang ada tersenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur tidak mencukupi duit untuk hendak membeli saham dan kalau dijual kepada kakitangan syarikat-syarikat sekalipun, siapa yang hendak membeli saham dalam keadaan ini? Berapa lama dia boleh beli saham itu untuk disimpan, ada yang membeli harga RM4 dahulu, sekarang ini sudah turun RM2.

Saya tidak mahu menyebut saham mana, sebab ini akan sedikit sebanyak menjejaskan syarikat itu. 50% Telekom punya saham, harga berapa hari itu, RM16, hari ini berapa, RM8 lebih sedikit sahaja, separuh 50% sudah, dari segi dana kewangan saham sudah 30%, berapa bilion lagi. Kita telah rugi RM236 bilion, campur 30% lagi, saya rasa sudah meningkat kepada RM245 bilion. Kalau kita perkirakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu mengapa kita membawa satu pindaan yang pendek sahaja dan tidak ada lagi pindaan-pindaan yang boleh membantu untuk menstabilkan dari segi kedudukan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, usaha kerajaan ini patut kita ucap tahniah, apa juga cara yang kita boleh buat, untuk menstabilkan ekonomi dan juga ringgit dan juga harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur patut kita sokong sepenuhnya dan saya ucap tahniah tadi kepada kerajaan dan sekali lagi saya ucap tahniah, sebab ini satu usaha walaupun pendek sepertimana yang saya katakan tadi, walaupun pindaan ini hanya 60 tajuk (a) sahaja yang kita hendak tambah, Fasal 1 berkenaan dengan tajuk ringkasnya,

sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, selalu sangat kita dapat pinda-pinda ini yang pendek-pendek sekali datangnya. Sebab apabila yang panjangnya tidak ada masa termasuk pindaan Akta Pencegahan Rasuah, tidak ada masa Ahli-ahli Dewan untuk hendak bercakap. Tetapi yang pendek macam ini pula, masa pun ada, kita buat Usul tadi untuk sampai pukul 11.00 malam pun tidak menjadi masalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya harap sepertimana rakan saya tadi juga, kalau kita hendak membuat rang undang-undang, biarlah ada terjemahan dalam dua bahasa. Ini bahasa Inggeris, tidak ada bahasa Malaysianya. Jadi, minta maaf, bukan semuanya dalam Dewan ini pintar dalam bahasa Inggeris, ada yang tidak begitu pintar, minta maaf, saya bercakap terus terang. Macam Yang Berhormat Tuan Rosli ini pandai bercakap, kemungkinan menulis kurang sedikit ataupun berkenaan menulis pandai, bercakap kurang sedikit. Kurang sedikit sahaja, tetapi kebolehan ada. Tetapi, berkenaan rang undang-undang ini, kita mestilah tulis dalam Bahasa Kebangsaan kita, supaya semua Ahli Dewan faham. Kalau tidak faham, apa guna kita bawa rang undang-undang ini ke sini untuk diluluskan? Kita ada bahasa kita, saya lebih baik lagi dalam Bahasa Kebangsaan daripada bahasa orang putih, sungguhpun saya dilatih dalam bahasa Inggeris, saya suka bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, bukannya sekali sahaja, saya telah berada di sini hampir dua tahun jadi Ahli Dewan Negara, banyak kali benda ini berlaku, sebab itu sahabat-sahabat saya timbulkan tadi, tetapi saya hendak timbulkan

sekali lagi, sebab dalam hati saya terbeku tadi, saya berucap yang sebenarnya untuk hendak membawa perkara ini yang penting sekali. Bahasa ini, bahasa ibunda kita, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong sudah tentu dia bersetuju dengan saya, sebab dia pun seorang peguam, dia pun sungguh pun pintar dalam bahasa Inggeris, dia lagi pintar bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, ha, itu sebabnya, lain kali kalau tidak ada terjemahan dalam bahasa Melayu, tak usah bawa pindaan ini, tunggu dahulu, biar ada terjemah dahulu, semua kita boleh mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, nada itu naik sedikit sebab kita sebut Bahasa Kebangsaan ini, bahasa Malaysia, saya minta maaf sebut, sakit hati rasanya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini, saya mintalah kepada kerajaan dan negara kita ini untuk hendak menguatkan lagi produktiviti kita. Produktiviti yang bernilai kepada negara kita. Sekarang ini saya ucap tahniah kepada Kementerian Pendidikan iaitu yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, disebabkan usaha-usahanya untuk melatih rakyat Malaysia dalam segi pintar, dalam kerjaya-kerjaya, jadi termasuk juga kaum buruh yang sekarang ini ramai sangat datang daripada Indonesia, Bangladesh, Filipina, dan dengan adanya usaha untuk melatih atau mengambil buruh-buruh tempatan, ini adalah satu pelaburan yang amat baik dan kita harapkan kita akan kurangkan lagi dari segi kita menerima pekerja-pekerja asing.

Dalam Dewan yang mulia ini saya pernah bertanya kepada kerajaan dan saya harap hari ini kerajaan akan dapat memberi jawapan, sungguhpun dahulu janji bertulis, tetapi Tuan Yang di-Pertua, selalu sangat janji jawab bertulis, tetapi jarang sangat kita dapat jawab bertulis. Saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat yang lain semuanya boleh dapat, saya jarang sangat dapat. Kalau janji bertulis itu, bertulislah sampai bilalah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang saya tanya hari itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dia lebih banyak pengalaman barangkali, sebab hari itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu menjawab bagi pihak kementerian yang lain. Jadi, dia tidak tahu.

Saya hendak tahu, berapa banyakkannya pekerja-pekerja asing yang ada di sini, yang menghantar duitnya balik ke kampung masing-masing, berapa juta, berapa bilion sudah habis duit ini, itu yang pertama.

Yang keduanya, disebabkan banyak sangat pekerja asing ini di negara kita ini, ini sudah tentu tidak memberi peluang kepada pekerja-pekerja tempatan dan dari segi itu, ramai juga yang tidak dapat kerja, sungguhpun kerja banyak, tetapi kalau dia bekerja sebagai buruh, dia kena mengikut gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja yang datang daripada luar negara ini. Oleh itu, tentulah rendah gaji mereka, oleh itu saya hendak tahu, disebabkan oleh kita mengambil pekerja-pekerja asing, berapa peratuskah kemiskinan kita itu bertambah disebabkan rakyat kita tidak dapat kerja yang setimpal dengan bayaran yang sepatutnya dibayarkan jikalau tidak ada pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya setakat itulah sahaja, kalau saya bercakap panjang sangat nanti, Tuan Yang di-Pertua tegur pula, masa sudah sampai. Saya dalam ucapan saya, kalau boleh biarlah tak payah tegur semua ini, beri peluang untuk berucap sehabis-habisnya supaya kita bahas sehabis-habisnya rang undang-undang ini sebab inilah akhirnya, Dewan yang akhir

sekali yang menapis rang undang-undang ini. Lepas ini ia akan menjadi rang undang-undang, daripada Dewan Rendah sampai ke Dewan Atas. Biasanya Dewan Atas turun ke bawah, tetapi daripada bawah dia pergi ke atas dan atas inilah akhir sekali tapisan dan di sinilah tempatnya yang kita patut bahaskan berhabis-habisan undang-undang yang dibawa, termasuk hari ini tadi, Rang undang-undang Pencegahan Rasuah dalam Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang datang daripada Maran yang telah pun menjawab dalam Jawatankuasa tadi dengan begitu baik sekali, sungguhpun dia tidak seorang seorang Peguam. Inilah yang kita hendakkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sungguhpun tidak ada pelajaran undang-undang, tetapi dia menjawab seperti orang yang tahu undang-undang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas rang undang-undang untuk meminda Akta Syarikat 1965. Seramai lebih kurang sembilan orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan saya ucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat iaitu Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Datuk Rahim bin Baba, Tuan Rosli bin Mat Hassan, Puan Mastika Junaidah binti Husin, Dato' Dr. T. Marimuthu, Puan Kamilia binti Ibrahim, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Tuan Mustaffa Kamal bin

Mohd. Nawi dan Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin - rakan baik saya sudah begitu lama tetapi belum pernah mendengar ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, fasal dulu jadi Exco kemudian jadi Speaker di Dewan Undangan Negeri Pahang, inilah kali pertama saya dapat mendengar satu ucapan yang begitu mendalam dan juga menarik sekali. *[Ketawa]* Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang telah disentuh adalah perkara yang berguna yang akan diambil perhatian. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu demi satu tetapi pada keseluruhannya saya akan menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat - yang general dan ada berkaitan dengan pindaan undang-undang ini, bukan bagi Akta ibu dan juga keseluruhan ekonomi dan pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya tetapi tentang pindaan ini saya akan cuba jawab hampir semua perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan apabila mengemukakan rang undang-undang ini, pindaan ini walaupun satu adalah difikirkan segera, perlu diluluskan dengan segera. Oleh kerana itu, pindaan ini dibawa oleh pihak kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Timbalannya oleh kerana keadaan yang wujud di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak begitu menyenangkan. Kita kata walaupun sehingga sekarang kita tidak membenarkan pembelian saham tetapi sekarang situasi-situasi di mana harga saham di pasaran saham tidak stabil akibat penjualan berlebihan oleh pihak-pihak tertentu, pihak-pihak ini

boleh jadi di dalam negeri ataupun di luar negeri dan untuk menyekat keadaan ini, kalau boleh kita mahu pindaan ini.

Di dalam jangka panjang keadaan sedemikian yang berlaku itu boleh menjejaskan kedudukan syarikat dan merugikan pemegang-pemegang sahamnya. Kita cuba - kerajaan dengan niat yang baik cuba berbuat sesuatu untuk mengatasi masalah yang kita hadapi. Kalau kita mengambil masa yang lebih panjang dan kita fikir ini juga tidak begitu baik, pemegang saham akan rugi, bukan sahaja 'majority shareholder', pemegang-pemegang kecil pun akan rugi kerana pasaran di pasaran saham tersebut akan terus menurun seperti yang dikatakan oleh Dato' Haji Mohd. Zuki itu, pada hari ini pun dia turun lagi, hingga ke mana kita pun belum tahu - ini fasal pasaran, ini bebas, ada yang beli ada yang jual. Jadi, kita mahu cari jalan macam mana mahu menstabilkan pasaran, kalau boleh! Itu pun kita belum tahu mengenai keberkesanan akta ini tetapi kita percaya kita boleh melakukan.

Saham-saham kalau turun apabila lebih ramai pelabur-pelabur menjualnya tanpa ada pembeli, ini akan merosakkan lagi negara dan keadaan ini akan boleh memberi peluang kepada speculator terutama dari luar negeri - George Soroskah atau sesiapa yang lain, kita tidak mahu tetapi boleh, kalau kita terus turun, mereka (speculators) masuk - boleh memanipulasikan pasaran saham di negara ini dan seterusnya membolehkan mereka mengaut keuntungan yang tidak munasabah seperti yang berlaku di pasaran saham baru-baru ini. Ini tentang alasan untuk membawa pindaan.

Kebanyakan Ahli Yang Berhormat yang berucap mengenai pindaan ini telah menyentuh mengenai kawalan yang perlu dilaksanakan berkaitan dengan belian balik saham. Mereka tidak begitu senang oleh kerana pengarah-pengarah dan lain-lain yang ada pengaruh boleh menyalahgunakan pindaan yang telah dicadangkan. Sukalah saya menjelaskan bahawa selain daripada peruntukan di dalam cadangan pindaan itu sendiri iaitu mengenai denda RM100,000 dan lima tahun penjara atau kedua-duanya, peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Kanun Keseksaan (Penal Code), Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan peraturan-peraturan BSKL mengenai jual beli saham di pasaran saham adalah terpakai kepada transaksi belian balik saham di bawah pindaan yang dicadangkan ini. Jadi, di dalam pindaan ada kawalannya - di bawah peraturan-peraturan dan undang-undang lain yang saya sebutkan tadi pun ada kawalannya supaya peruntukan yang dibawa di dalam pindaan itu tidak disalahgunakan.

Oleh itu ingin saya menegaskan di sini bahawa pihak-pihak berkuasa yang berkaitan seperti Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Polis akan bertindak keras berdasarkan undang-undang dan peraturan yang sedia ada untuk memastikan kemudahan ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan jenayah berkaitan urus niaga sekuriti di bawah Seksyen-seksyen 84 hingga 91 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 mengenai, dengan izin, "false trading", "market ragging", "market

manipulation” dan “insider trading” - saya suka ulang “false trading”, “market ragging”, “market manipulation” dan “insider trading” adalah masih terpakai dan boleh dikuatkuasakan terhadap salahlaku berkaitan transaksi pembelian balik saham di bawah cadangan pindaan ini.

Sekiranya transaksi berkenaan dilaksanakan melanggar peruntukan seksyen-seksyen tersebut, pihak Suruhanjaya Sekuriti boleh menjalankan siasatan dan seterusnya mendakwa pihak-pihak yang terlibat sekiranya terdapat bukti-bukti *prima facie*. Di dalam kes-kes berkenaan semua kesalahan di bawah seksyen-seksyen tersebut boleh dihukum dengan denda tidak kurang RM1 juta dan penjara tidak melebihi sepuluh tahun. Jadi, peruntukan-peruntukan undang-undang yang sedia ada di dalam Akta Syarikat 1965 juga adalah mencukupi untuk mengawal dan menentukan kemudahan pembelian balik saham dan pemberian bantuan kewangan mengenainya tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Peruntukan Seksyen 132 Akta Syarikat 1965 menyatakan bahawa pengarah-pengarah syarikat hendaklah pada setiap masa bertindak jujur di dalam melaksanakan tugasnya dan tidak menggunakan sebarang maklumat sulit syarikat itu untuk kepentingan mereka. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara lima tahun atau denda RM30,000. Seksyen 132(c) pula melarang lembaga pengarah untuk melaksanakan sebarang pembelian harta termasuk jika pembelian tersebut akan menjejaskan atau memudaratkan secara material kedudukan kewangan dan prestasi syarikat itu, melainkan pembelian

tersebut telah diluluskan terlebih dahulu oleh pemegang-pemegang saham syarikat di dalam mesyuarat agung.

Peruntukan ini boleh digunakan untuk menangani keadaan di mana lembaga pengarah menggunakan wang syarikat untuk membeli balik sahamnya atau memberi bantuan kewangan di bawah cadangan pindaan itu sedangkan syarikat itu tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan boleh memudaratkan kedudukan kewangan dan prestasi syarikat itu.

Pengarah-pengarah syarikat juga tidak boleh mengambil kesempatan untuk menjual saham-saham milik mereka sendiri atau milik orang-orang yang ada kaitan dengannya kepada syarikat berkenaan tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pemegang saham di dalam mesyuarat agung seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 132(e) Akta Syarikat 1965. Kesemua kesalahan di atas boleh dihukum dengan hukuman penjara lima tahun atau denda RM30,000 atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan bantuan atau jaminan kewangan kepada pihak lain untuk membeli saham syarikat tersebut seperti yang dinyatakan di dalam cadangan pindaan ini, lembaga pengarah juga tidak boleh mengambil kesempatan untuk menyalurkan bantuan atau jaminan kewangan tersebut kepada dirinya sendiri atau orang-orang yang ada kaitan dengannya. Ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 133 dan 133A Akta Syarikat 1965 yang boleh dihukum dengan hukuman denda RM100,000 dan segala bantuan atau jaminan kewangan yang diberikan akan menjadi tanggungjawab atau liabiliti pengarah itu sendiri.

Sekiranya pelaksanaan transaksi berkenaan melibatkan unsur-unsur penipuan atau pecah amanah oleh pengarah-pengarah syarikat, tindakan undang-undang boleh juga diambil oleh pihak polis sebagai kes jenayah di bawah peruntukan Kanun Keseksaan, Penal Code.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang disentuh adalah - saya akan cuba menjawab. Pindaan ini berdasarkan dengan syarat yang ada di dalam akta yang sama di beberapa buah negara luar tetapi keadaan di negara kita berlainan dan pindaan itu pun berbeza sedikit dengan peruntukan yang ada tetapi prosedur belian balik saham itu, selepas pembelian kedudukannya samalah seperti negara-negara yang lain.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengucapkan tahniah kepada saya atas pemilihan, saya ucapkan terima kasih. Juga saya tidak melupakan ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ucap tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan tentang “market ragging”, “market manipulation”, “insider trading” yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz. Begitu juga mengenai Yang Berhormat Datuk Rahim Baba telah menyentuh mengenai harga saham sebuah syarikat tidak stabil. Ini peringkat mana, beliau bertanya.

Pihak berkuasa yang berkenaan seperti Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti, BSKL, Kementerian Kewangan dan Polis akan menyediakan peraturan-peraturan yang lebih detail untuk memastikan pindaan ini tidak disalahgunakan semoga ianya dapat dilaksanakan dengan licin. Ini kita akan buat selepas pindaan ini diluluskan.

Yang Berhormat Datuk Rahim juga bertanya mengenai peruntukan ini digunakan untuk insider trading dan sebagainya, saya telah menjelaskan

bahawa undang-undang dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada masih boleh diterimapakai, begitu juga dengan pengarah-pengarah.

Mengenai take over offer, apabila pembelian balik saham itu boleh menyebabkan pemegang saham melebihi threshold untuk membuat take over offer. Sekiranya pembelian balik saham itu melebihi threshold untuk membuat take over offer, semua peraturan mengenai take over adalah terpakai dan pihak yang berkenaan perlu membuat tawaran take over mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak dapatkan penjelasan dan juga penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai take over offer ini. Katakanlah satu syarikat, saya mempunyai 32% saham, selepas itu oleh kerana syarikat yang berkenaan saham dia menurun, bukannya ada kaitan dengan saya sendiri, sahamnya menurun, paid up capital dia daripada RM100 million, turun kepada RM80 million, bukannya kerana saya membeli - tidak, oleh kerana syarikat itu menjual sahamnya dan sahamnya berkurangan dan tidak ada kena-mengena dengan saya. Jadi, adakah saya secara mandatori terpaksa membuat general offer kepada pemegang-pemegang saham yang lain kerana saya sudah melebihi had 32% yang ditentukan. Bukan kerana saya tetapi oleh kerana keadaan, perkara itu berlaku.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pembelian balik saham-saham ini adalah diputuskan oleh lembaga pengarah, bukan oleh sesiapa lain. Jadi, kalau syarikat sendiri memutuskan untuk membeli dan kalau kewangan

syarikat itu mengizinkan pembelian balik, maka syarikat itu perlu mengikut undang-undang buat tawaran take over. Ini adalah mengikut undang-undang yang sedia ada. Kalau syarikat itu tidak ingin membeli balik saham-saham apabila bursa sahamnya turun di pasaran saham, itu tidak ada masalah mengenai take over dan selainnya. Kalau kewangan syarikat itu tidak mengizinkan pun, keadaan ini tidak wujud.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini adalah perkara yang terlalu penting, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat jelas tentang soalan saya kerana katakanlah, saya tidak kontrol di syarikat itu, jadi oleh kerana paid up capital syarikat itu menurun, secara tidak langsung pegangan saya sudah melebihi 32%. Saya tidak ada kena-mengena, yang membeli adalah group yang lain, syarikat itu sendiri. Jadi, saya yang di luar ini tiba-tiba tengok pegangan saya sudah jadi 35%. Jadi, di bawah pindaan Akta Syarikat, saya kena membuat general offer. Jadi, adakah mandatori di bawah akta ini, dia kena pula buat general offer kepada pemegang-pemegang saham yang lain. Saya harap Yang Berhormat fahamlah maksud saya itu, jelas ya?

Dato' S. Subramaniam: Jelas, jelas, lebih jelas. *[Ketawa]* Ini saya faham sekarang. Katalah, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, kalau RM100 juta syarikat itu, beli balik RM20 juta, yang bakinya sekarang RM80 juta. Tetapi mengikut pindaan yang dibawa ini, 32%kah yang dipegang oleh pihak-pihak lain pun akan berubah juga. Kalau threshold itu dicapai bukan sebab belian oleh seseorang yang minoriti seperti dikatakan tadi, tetapi

sebab belian oleh syarikat itu, jadi general offer tidak timbullah, tidak akan terpakai general offer. Seperti saya katakan, kalau syarikat RM20 milion dibeli balik, syer itu, dengan izin, shall be diminish by the cancellation of the shares yang telah dibeli. Jadi, daripada RM100 juta akan dikurangkan (diminish) sehingga RM80 juta and the amount by which the company issued capital is diminish shall be transfered to the capital redemption reserve yang boleh digunakan di mana capital reserve ini may be apply, dengan izin, in paying up unissued shares of the company to be issued to members of the company as fully paid bonus shares. Itu boleh jadi satu daripada solusi.

Dalam hal ini, saya juga suka menjelaskan mengenai bahasa rang undang-undang yang dikemukakan ini bahawa pindaan yang dibawa ini adalah dalam dua bahasa, cuma akta ibu, akta yang digubal pada masa itu adalah dalam bahasa Inggeris dan masih belum lagi diterjemahkan. Ini adalah di luar tanggungjawab kita, ia adalah dibuat oleh Attorney-General Chambers yang ada backlog, masih banyak undang-undang yang belum lagi diterjemahkan. Oleh kerana itu pindaan ini diperlukan dengan segera, maka kita buat pindaan. Cuma akta ibu yang masih dalam bahasa Inggeris yang digubal sebelum itu masih belum diterjemahkan, tetapi perkara ini telah pun diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Dan pihak kerajaan juga telah meminta pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mempercepatkan penterjemahan akta-akta yang sedia ada dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini telah pun dikaji oleh semua badan yang berkaitan, terutamanya Pendaftar Syarikat dan

Kementerian Kewangan selepas berunding dengan Suruhanjaya Sekuriti. Namun demikian, tindakan lanjut akan diambil untuk terus mengetatkan dan mengemaskinikan peruntukan tersebut melalui peraturan-peraturan.

Pejabat ROC semenjak tahun 1995 telah melancarkan Ops Bubar Seksyen 308 untuk membubarkan syarikat yang tidak aktif tanpa perlu syarikat sendiri membuat permohonan mengenainya. Ini Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan telah membangkitkan perkara ini. Setakat ini lebih kurang 74,000 syarikat yang telah dikenal pasti untuk dibubarkan. Namun demikian, kesalahan yang telah dilakukan oleh pengarah-pengarah sebelum tarikh pembubaran akan terus diambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan juga telah menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab lembaga pengarah. Saya suka menyatakan bahawa setakat ini Pendaftar Syarikat baru sahaja melancarkan kod etika pengarah-pengarah pada tahun lalu dan sebanyak hampir 70 seminar mengenai bidang tugas pengarah-pengarah syarikat telah pun dianjurkan sejak pelancaran kod etika pengarah yang dilancarkan pada tahun yang lalu. Seminar-seminar dan juga kursus-kursus seperti ini akan diteruskan di masa akan datang. Syarikat-syarikat besar juga disarankan agar lebih berwaspada di dalam melantik pengarah-pengarahnya dan ini boleh juga menjadi satu jalan menangani masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggunaan nombor syarikat di bawah seksyen 121 Akta Syarikat, suka saya menjelaskan bahawa pindaan mengenai perkara itu, iaitu menggunakan nombor syarikat itu telah mula dikuatkuasakan

pada 15 Ogos 1996. Namun demikian, di atas permintaan sektor swasta, perkara tersebut telah ditangguhkan selama satu tahun, iaitu sehingga 15 Ogos 1997. Syarikat dibenarkan untuk meletakkan nombor tersebut secara rubber stamp asalkan ianya boleh dibaca dan diletakkan sebaik sahaja selepas nama syarikat tersebut. Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

Begitu juga tafsiran sebagai substantial shareholder. Mengikut seksyen 69(d) Akta Syarikat 1965, mereka yang memegang lebih daripada 5% dalam modal saham sebuah syarikat adalah dianggap sebagai substantial shareholder.

Mengenai mesyuarat agung sebuah syarikat diadakan di dalam negeri di mana pejabat berdaftar sebuah syarikat diletakkan, kedudukan ini akan dikaji oleh Pendaftar Syarikat dan akan dipinda jika ianya lebih untuk kebaikan semasa. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini. Peruntukan sekarang mengenai perkara itu adalah di bawah seksyen 145(a) Akta Syarikat 1965 dan akan dikaji semula oleh Pendaftar Syarikat.

Mengenai substantial value yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin juga, substantial value terdapat di bawah seksyen 132(c) Akta Syarikat 1965, bukannya cadangan pindaan ini. Ianya berbeza di antara satu syarikat dengan syarikat yang lain berdasarkan capital dan asset syarikat itu. Namun demikian, ianya terpakai sekiranya kesan sesuatu transaksi akan melibatkan adverse effect on the performance and financial position of the company, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin juga telah menyentuh mengenai pembatalan mesyuarat agung oleh pemegang saham. Suka saya jelaskan bahawa Akta Syarikat 1965 secara amnya tidak mengandungi peraturan untuk membolehkan mana-mana pihak untuk membatalkan mesyuarat. Rujukan mungkin boleh dibuat kepada Common Law of Meetings. Mungkin apa yang disentuh oleh Yang Berhormat ialah mengenai kuasa untuk mengecualikan pemberian notis empat belas hari atau dua puluh satu hari yang diperlukan. Mengikut akta, pemegang-pemegang saham yang memiliki lebih daripada 95% jumlah saham boleh mengadakan mesyuarat agung dengan kurang daripada empat belas hari atau dua puluh satu hari mengikut jenis resolusi yang hendak diluluskan.

Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim telah pun menyentuh mengenai solvency kompeni, apakah istilah ini yang terkandung dalam pindaan. Istilah 'solvent' pada amnya merujuk kepada keadaan di mana current aset melebihi current liabilities dalam sesebuah syarikat. Namun demikian, penetapan terperinci mengenainya akan ditetapkan dari masa ke semasa berdasarkan kehendak semasa sama ada melalui peraturan-peraturan ROC atau peraturan-peraturan KLSE.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah mencadangkan supaya kementerian mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan yang terlibat dalam industri saham untuk menetapkan peraturan-peraturan yang lebih terperinci. Cadangan ini adalah baik dan akan dilaksanakan. Sesi dialog

sedemikian telah pun diatur oleh Pendaftar Syarikat dan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti BSKL, Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Kewangan.

Penubuhan dana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail untuk beli balik saham, ianya adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, ianya memerlukan kajian yang terperinci oleh semua pihak yang terlibat bukan sahaja Pendaftar Syarikat, tetapi pihak-pihak yang lain, dan kita akan meneliti perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Dato' Zuki telah meminta saya beberapa butir mengenai pekerja asing. Saya minta maaf, saya tidak dapat memberi berapakah banyak jumlah duit yang telah dikembalikan oleh pekerja-pekerja asing. Dari fahaman saya jumlah pekerja asing yang dibenarkan atau pekerja asing yang ada permit adalah lebih satu juta orang, tetapi pekerja asing yang tanpa izin itu saya tidak mengetahui mengenai angkanya, dan jumlah duit yang dikembalikan oleh mereka ini pun tidak diketahui. Ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan mungkin Kementerian Kewangan boleh membantu dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas pindaan Akta Syarikat 1965. Kepada semua Ahli Yang Berhormat saya ucap terima kasih bagi pihak kementerian. Kalau ada perkara-perkara yang belum dijawab akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai, iaitu Pendaftar Syarikat sendiri yang ada bersama dan juga oleh pegawai-

pegawai lain dan kita akan meneliti perkara-perkara itu apabila kita melaksanakan Akta Syarikat yang dipinda. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memberi penghargaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas kerjasama sepanjang Dewan bermesyuarat dan memaklumkan bahawa Dewan ini ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.22 malam.